



**PENYATA RASMI**  
OFFICIAL REPORT

**DEWAN RAKYAT**  
*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

**PARLIMEN KETIGA**  
*Third Parliament*

**PENGGAL PARLIMEN KETIGA**  
*Third Session*

**KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 5193]**

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT [Ruangan 5219]**

**RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Perbekalan, 1974:**

**Jawatankuasa—**

**Jadual—**

**Kepala B. 1 hingga B. 11, B. 13 [Ruangan 5219]**

**Kepala B. 12 [Ruangan 5230]**

**Kepala B. 14 [Ruangan 5256]**

**USUL:**

**Anggaran Pembangunan, 1974:**

**Jawatankuasa—**

**Kepala P. 7 dan P. 9 [Ruangan 5219]**

**Kepala P. 14 [Ruangan 5256]**

MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT YANG KETIGA

*Penyata Rasmi*

### PENGGAL YANG KETIGA

---

Hari Jumaat, 21hb Disember, 1973

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

YANG HADIR :

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, P.M.N., S.P.M.P., J.P., Datuk Bendahara Perak.
- Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru Timur).
- Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara, TUN V. T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N. (Sungai Siput).
- ” Menteri Perhubungan, TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N., S.P.M.K., S.P.M.J. (Pontian Utara).
- ” Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Kelang).
- ” Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- ” Menteri Kemajuan Tanah dan Menteri Tugas-tugas Khas, DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K. (Kota Bharu Hulu).
- ” Menteri Pertahanan, DATUK HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., D.S.R., S.I.M.P. (Raub).
- ” Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan Menteri Penerangan, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K. (Lipis).
- ” Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan, DATUK ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- ” Menteri Perusahaan Utama, DATUK HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.G.D.K. (Samarahan).
- ” Menteri Tugas-tugas Khas, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu Hilir).
- ” Menteri Pelajaran, TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- ” Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- ” Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK MUSA HITAM, S.P.M.J. (Segamat Utara).
- ” Timbalan Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD (Langat).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK HAJI WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, D.P.M.J., K.M.N. (Johor Bahru Barat).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kemajuan Tanah, TUAN MOHAMED BIN UJANG, K.M.N., P.J.K. (Jelebu-Jempol).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P. (Krian Darat).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Rembau-Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pembangunan Ekonomi Desa, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K. (Ulu Kelantan).
- „ NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, J.P. (Kelantan Hilir).
- „ DATUK DR HAJI ABDUL AZIZ BIN OMAR, D.J.M.K., J.M.N., J.M.K., S.M.K. (Tumpat).
- „ DATUK HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, P.N.B.S. (Payang).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SBRI (Johor Timur).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kubang Pasu Barat).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- „ TUAN AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Melaka Selatan).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SA'ID, J.P. (Seberang Utara).
- „ PUAN BIBI AISHAH BINTI HAMID DON, A.M.N., P.J.K. (Kulim Utara).
- „ TUAN AZAHARI BIN MOHD. TAIB, S.M.K., J.S.M., A.M.N., J.P. (Sungai Patani).
- „ DATUK PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, Q.M.C., P.N.B.S., P.B.S. (Julau).
- „ TUAN BOJENG BIN ANDOT (Simunjan).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).
- „ TUAN CHAN FU KING (Telok Anson).
- „ TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ TUAN CHAN YOON ONN, A.M.P. (Ulu Kinta).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban Timur).
- „ DR CHU CHEE PENG (Kluang Selatan).
- „ TUAN VALENTINE COTTER *alias* JOSEPH VALENTINE COTTER (Bau-Lundu).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Pulau Pinang Utara).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang-Lupar).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Kampar).

- Yang Berhormat TAN SRI FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).
- „ TUAN THOMAS SELVARAJ GABRIEL (Pulau Pinang Selatan).
- „ TUAN HASHIM BIN GERA (Parit).
- „ TUAN RICHARD HO UNG HUN (Sitiawan).
- „ TAN SRI SYED JAAFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).
- „ DATUK KHOO PENG LOONG, P.N.B.S. (Bandar Sibul).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Batu Gajah).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Bandar Melaka).
- „ TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).
- „ TUAN LOH JEE MEE (Batang Padang).
- „ TUAN ANDREW MARA ANAK WALTER UNJAH (Betong).
- „ TUAN HAJI MAWARDI BIN LEBAI TEH (Kota Star Utara).
- „ DR MOHAMED BIN TAIB, P.M.K., P.J.K. (Kuantan).
- „ TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Kuala Trengganu Selatan).
- „ TUAN MOHD. NOR BIN MD. DAHAN, A.M.N., J.P. (Ulu Perak).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ TUAN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ENSKU ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N. (Trengganu Tengah).
- „ WAN MOKHTAR BIN AHMAD, P.J.K. (Kemaman).
- „ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL, J.S.M. (Perlis Selatan).
- „ TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Pasir Mas Hilir).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., J.M.N., D.P.M.J., P.I.S. (Muar Dalam).
- „ TUAN NG HOE HUN (Larut Selatan).
- „ RAJA NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, S.M.S., P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN R. C. M. RAYAN *alias* R. C. MAHADEVA RAYAN (Ipoh).
- „ TUAN SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S. (Muar Pantai).
- „ DR S. SEEVARATNAM, P.J.K. (Seremban Barat).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN, P.D.K. (Kuala Kedah).
- „ TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, A.M.N., B.C.K. (Baling).
- „ TUAN SOH AH TECK, A.M.N. (Batu Pahat).

Yang Berhormat DR A. SOORIAN (Port Dickson).

- „ TUAN SU LIANG YU (Bruas).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).
- „ TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N., P.J.K. (Kulim-Bandar Bharu).
- „ DATUK TAJUDIN BIN ALI, D.P.M.P., P.J.K. (Larut Utara).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Batu).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).
- „ TUAN TIAH ENG BEE, P.I.S. (Kluang Utara).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG (Kanowit).
- „ TUAN V. VEERAPPEN (Seberang Selatan).
- „ TENGKU ZAID BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas Hulu).

YANG TIDAK HADIR :

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Luar Negeri, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N., K.O.M. (Pekan).

Yang Berhormat Menteri Kewangan, TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P. (Melaka Tengah).

- „ Menteri Tak Berpotfolio, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).
- „ Menteri Hal Ehwal Sarawak, TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K., P.N.B.S. (Ulu Rajang).
- „ Menteri Pertanian dan Perikanan, TAN SRI HAJI MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., D.P.C.M., P.N.B.S. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Pembangunan Ekonomi Desa, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Melaka Utara).
- „ Menteri Kerja Raya dan Tenaga, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Penyelarasan Kampung-kampung Baru, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat Selatan).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J., S.M.J. (Pontian Selatan).
- „ Menteri Tugas-tugas Khas, TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH *alias* HAJI YUSOF RAWA (Kota Star Selatan).
- „ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI ALMARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Sabah Selatan).
- „ HAJI PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD DAMANHURI BIN HAJI ABDUL WAHAB, P.M.P., P.J.K. (Hilir Perak).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. UYONG (Labuk-Sugut).

Yang Berhormat DR AWANG BIN HASSAN, s.m.j. (Muar Selatan).

- „ CHEGU BAUDI BIN UNGGUT (Bandau).  
 „ AWANG BUNGSU BIN ABDULLAH (Limbang-Lawas).  
 „ TUAN HAJI AWANG WAL BIN AWANG ABU (Santubong).  
 „ TUAN CHEN KO MING, A.M.N., P.B.S. (Sarikei).  
 „ TUAN V. DAVID (Dato Kramat).  
 „ DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).  
 „ TUAN GOH HOCK GUAN (Bungsar).  
 „ TUAN HANAFIAH HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).  
 „ Tuan HOR CHEOK FOON (Damansara).  
 „ TUAN HUSSAIN BIN HAJI SULAIMAN (Besut).  
 „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).  
 „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).  
 „ TUAN WALTER LOH POH KHAN (Setapak).  
 „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Sandakan).  
 „ TUAN LUHAT WAN (Baram).  
 „ TUAN MOHAMED ARIF BIN SALLEH, A.D.K. (Sabah Dalam).  
 „ TUAN HAJI MOHD. CHIK JOHARI ONDU MAJAKIL (Labuan-Beaufort).  
 „ TAN SRI MOHAMMAD SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).  
 „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Darvel).  
 „ TUAN MOHD. TAHIR BIN HAJI ABDUL MANAN (Kapar).  
 „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K., K.V.O., O.B.E. (Marudu).  
 „ TUAN MUSTAPHA BIN HUSSAIN (Seberang Tengah).  
 „ TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).  
 „ DATUK PANG TET TSHUNG, P.D.K. (Kota Kinabalu).  
 „ PENGARAH RAHUN ANAK DEBAK (Serian).  
 „ DATUK SRI S. P. SEENIVASAGAM, S.P.M.P., D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).  
 „ TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Datoh).  
 „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA (Kimanis).  
 „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).  
 „ TUAN TING MING KIONG (Bintulu).  
 „ DATUK JAMES WONG KIM MIN, P.N.B.S. (Miri-Subis).  
 „ TUAN YEH PAO TZU, A.M.N. (Tawau).  
 „ TUAN YEOH TECK CHYE (Bukit Bintang).  
 „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).

YANG HADIR BERSAMA :

Yang Berhormat Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN WONG SENG CHOW (Dilantik).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat, Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha, A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha, Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Pemangku Penolong Setiausaha, Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI

Penyunting, Yahya Manap.

Penolong Penyunting, P. B. Menon.

Penolong Penyunting, Osman bin Sidik.

#### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suhor bin Husin.

Ng Cheng Kuai.

Jamaludin bin Haji Ali.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Quah Mei Lan.

Puan Kong Yooi Thong.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar Musa bin Alang Ahmad.

## DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

### JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

#### PERUSAHAAN PELANCUNGAN

**1. Tuan Edwin anak Tangkun** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sejauh manakah Kerajaan telah memasukkan di dalam rancangan untuk mengembangkan perusahaan peluncuran dengan menyedari kekurangan kemudahan-kemudahan perjalanan laut di antara Semenanjung dan kepulauan Malaysia dan apakah langkah-langkah yang sedang diambil untuk memperbaiki perkara ini.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Musa Hitam):** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedar betapa pentingnya peluncuran tempatan dan peranan yang dimainkan olehnya bukan sahaja dalam pembangunan negara tetapi juga dalam mempesatkan lagi proses integrasi.

Berhubung dengan pembangunan peluncuran tempatan, khasnya di antara Semenanjung Malaysia dengan Sabah dan Sarawak, setakat ini perjalanan udara nampaknya adalah lebih popular daripada perjalanan laut kerana beberapa sebab, termasuklah soal jangka masa dan keselesaan.

Sebagai contoh, usaha memperkenalkan perjalanan laut di antara Semenanjung Malaysia dengan Sabah dan Sarawak telah-pun dibuat oleh sebuah firma peluncuran di Kuala Lumpur. Firma ini mempunyai dua buah kapal. Sebuah yang memulakan perkhidmatan dalam bulan Mac tahun ini, boleh membawa 26 orang penumpang, manakala yang sebuah lagi, yang diperkenalkan dalam bulan Mei, boleh membawa 160 orang penumpang. Sehingga 31hb Oktober, kedua buah kapal ini telah membuat 36 perjalanan di antara Semenanjung Malaysia dengan Sabah dan Sarawak, tetapi bilangan penumpangnya sangatlah sedikit. Oleh yang demikian, jelaslah bahawa perjalanan laut di

antara Semenanjung Malaysia dengan Sabah dan Sarawak tidak sepopular perjalanan udara.

Mungkin ada sebab-sebab lain yang menjadikan keadaan begini. Kerajaan berharap agar pihak swasta mengkaji soal ini keseluruhannya supaya dapat satu bentuk pengangkutan laut yang berkesan di antara Semenanjung Malaysia dengan Sabah dan Sarawak dipraktikkan. Memandangkan kepada kemudahan-kemudahan pelabuhan di Kuching dan Kota Kinabalu yang sedang diperbaiki dan diperluaskan sekarang, dan beberapa projek pembinaan pelabuhan keseluruhannya, usaha ini mungkin akan berjaya.

#### INDASTRI BAJA

**2. Tuan Ng Hoe Hun** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan :

- (a) samada Kerajaan Malaysia ada apa-apa rancangan untuk mendirikan sebuah kilang baja; dan
- (b) samada Kerajaan akan membenarkan pengusaha-pengusaha persendirian untuk mendirikan kilang baja.

**Datuk Musa Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, industri baja adalah sangat penting kepada sektor pertanian khususnya kepada kaum tani.

Setakat ini ada beberapa kilang baja yang dalam peringkat pengeluaran dan yang membekalkan sebahagian besar dari keperluan-keperluan dalam negeri. Tiga dari Syarikat-syarikat ini iaitu The Chemical Co. of Malaysia, Syarikat Federal Fertilizer Sdn. Bhd. dan Wee Kheng Chiang mengeluarkan baja "nitrogenous straight" dan baja-baja komponen untuk sektor pertanian.

Selain dari itu, beberapa kilang-kilang campuran adalah dalam peringkat pengeluaran di merata negeri dan membekalkan keperluan-keperluan tempatan bagi baja-baja campuran. Kesemua projek ini adalah kepunyaan sektor swasta.

Permintaan tempatan bagi baja-baja telah menunjukkan arah-aliran yang bertambah dalam tahun-tahun lalu. Untuk menampung penggunaan yang bertambah ini, Kerajaan baru-baru ini telah meluluskan 2 lagi projek yang ditajakan oleh badan-badan Kerajaan. Projek-projek ini adalah dalam beberapa

peringkat pelaksanaan dan apabila dalam peringkat keluaran penuh kelak, akan dapat menampung permintaan tempatan yang bertambah itu.

Memandangkan kepada faktor-faktor di atas, pihak Kerajaan setakat ini tidak membenarkan pengusaha-pengusaha per-sendirian untuk mendirikan kilang baja. Walau bagaimanapun, sekiranya ada pengusaha-pengusaha kilang baja untuk keperluan eksept, pihak Kerajaan sedia menimbangkannya.

**Tuan Ng Hoe Hun:** Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri berkata ada beberapa kilang-kilang yang memperoses baja-baja. Bolehkah saya tahu baja-baja ini straight fertilizer atau compound fertilizer?

**Datuk Musa Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah sebutkan di sini mengeluarkan baja nitrogenous straight dan baja-baja component untuk sektor pertanian "nitrogenous straight".

**Tuan Ng Hoe Hun:** Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, di negeri kita harga baja-baja naik melambung tinggi sekarang ini. Bolehkah Kerajaan Malaysia beri subsidi baja-baja kepada petani supaya mereka menggunakan baja yang murah sedikit?

**Datuk Musa Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, soal memberi subsidi kepada petani-petani untuk membeli baja bukanlah soal berkaitan dengan soal yang dibangkitkan di sini.

**Tuan Ng Hoe Hun:** Soalan tambahan. Adakah Kerajaan sedar baja-baja yang diperoses di kilang-kilang di Malaysia tidak bermutu dan petani-petani pun tidak mahu membeli baja-baja yang dibuat di negara kita?

**Datuk Musa Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, setahu saya mutu keluaran kilang-kilang baja di dalam negara ini ialah mutu yang diterima oleh pihak pertanian.

**Tuan Ng Hoe Hun:** Soalan tambahan. Kalau begitu apa sebabnya negeri kita mengimpot baja dengan banyak dan apa sebabnya petani-petani membeli baja-baja yang diimpot?

**Datuk Musa Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, saya fikir lojiknya beginilah, kalau petani-petani mengimpot baja dari luar negeri, lojiknya ialah kerana baja kurang, oleh sebab kurangnya maka kita telah bersetuju menubuhkan 2 buah kilang lagi. Jadi sementara kurang terpaksa diimpot, ini menjadi kebiasaan di dalam negara kita ini.

**Tuan Ng Hoe Hun:** Tuan Yang di-Pertua, saya dengar Kerajaan ada satu rancangan mendirikan satu kilang baja di Tikam, Batu di Sempadan Kedah dan Perlis, adakah perkara ini betul atau tidak. Adakah Kerajaan hendak campur menubuhkan kilang-kilang baja itu?

**Datuk Musa Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, soal ini telah dijawab oleh saya di dalam jawapan yang saya bacakan tadi.

### SEKOLAH RENDAH JENIS KEBANGSAAN (INGGERIS) CLIFFORD

3. Tuan Lim Cho Hock minta Menteri Pelajaran menyatakan samada:

- (i) Beliau sedar bahawa sebilangan darjah di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Inggeris) Clifford, Kuala Kangsar dan darjah-darjah di sekolah-sekolah lain di negeri Perak, mempunyai murid seramai 50 dan lebih; dan
- (ii) Beliau sedar bahawa salah satu daripada sebab-sebab jatuhnya mutu pelajaran adalah kerana darjah-darjah mempunyai terlalu ramai murid, dan jika ya, apakah langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil untuk mengurangkan bilangan murid-murid di setiap darjah kepada 35 supaya guru-guru tidak dibebankan dan dengan itu membolehkan murid-murid menghasilkan keputusan yang lebih baik lagi.

**Menteri Pelajaran (Tuan Haji Mohamed bin Yaacob):** Tuan Yang di-Pertua,

- (i) Saya sedar. Ini adalah kerana terlalu ramai ibu-bapa yang memilih untuk memasukkan anak-anak mereka di sekolah-sekolah yang tertentu di dalam beberapa buah bandar di negara ini. Sekolah Clifford ini adalah salah satu daripada sekolah yang terpilih oleh ibu-bapa itu di Kuala Kangsar.

- (ii) Saya sedar. Kalau sekiranya terlalu ramai murid-murid dalam satu darjah sudah tentu guru-guru tidak dapat mengawasi murid-murid itu dengan memuaskan.

Keadaan yang tidak memuaskan itu adalah di dalam kajian dan perimbangan untuk dibaiki.

### WANITA DITANGKAP DI HOTEL SABAH

**4. Tuan Mohd. Salleh bin Datuk Panglima Abdullah** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bilangan wanita-wanita yang telah ditangkap di hotel-hotel oleh pihak yang berkuasa di Sabah dalam bulan Ogos yang lalu, dan samada mereka telah didakwa di Mahkamah dan dari mana mereka itu datang.

**Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie):** Tuan Yang di-Pertua, seramai 43 orang wanita-wanita telah ditangkap di hotel-hotel di Sabah pada bulan Ogos yang lalu, dan dari jumlah tersebut 18 orang datang dari Sarawak, 24 dari Semenanjung Malaysia dan seorang dari Indonesia. Mereka tidak didakwa di Mahkamah tetapi diserahkan kepada pihak Imigeresen Sabah yang telah-pun mengambil tindakan—

- (a) mencatatkan nama-nama mereka ke dalam senarai orang-orang yang tidak diinginkan (undesirable) untuk mencegah mereka daripada memasuki Negeri Sabah; dan
- (b) mengusir mereka keluar dari Negeri Sabah untuk balik ke tempat asal masing-masing.

Berbangkit dari tangkapan itu, 3 orang pengurus hotel yang terlibat telah didakwa dan dihukum di bawah Bab 159 "Women dan Girls Protection Ordinance", Sabah. Beberapa orang di antara wanita-wanita yang ditangkap itu telah digunakan sebagai saksi-saksi pendakwa dan pembicaraan di Mahkamah berkeputusan dengan ketiga-tiga pengurus tersebut didenda atau dipenjarakan.

### CAGARAN TALIPON KEPADA PELANGGAN

**5. Tuan Loh Jee Mee** (di bawah S.O. 24 (2)) bertanya kepada Menteri Perhubungan mengapa pihak Jabatan Talikom meminta

pelanggannya supaya menambahkan bayaran wang pendahuluannya lebih dari 200%.

**Menteri Perhubungan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir):** Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Talikom tidak menambahkan bayaran wang pendahuluannya lebih dari 200%. Semua pelanggan biasanya membayar pada awalnya cagaran bagi talian-talian ibu-sawat yang dilanggannya seperti berikut:

(a) Public Ltd. Co. ... ..	\$500
(b) Private Ltd. Co. ... ..	\$400
(c) Partnership firm ... ..	\$300
(d) Proprietorship ... ..	\$200
(e) Residential ... ..	\$ 75

Cagaran tambahan juga dikenakan jika kemudahan-kemudahan tambahan dilanggankan kalau dia hendak sewa lain-lain facilities samada telex atau yang lain-lain lagi. Cagaran yang dibayar disemak dari masa ke semasa bagi menentukan samada cukup untuk meliputi bayaran mengguna perkhidmatan talipon (iaitu bayaran ke atas panggilan-panggilan talipon) dan pelanggan akan dipinta menambahkan cagarannya jika bil bulanannya adalah pada hitung panjang melebihi cgarannya. Ini dijalankan bagi mengurangkan kemungkinan kehilangan hasil bagi kerajaan.

**Tuan Haji Ahmad bin Haji Ithnin:** Soalan tambahan. Adakah pihak Kementerian Perhubungan sedar berhubung dengan pemohon-pemohon yang hendak memasang talipon di daerah luarbandar amatlah sulit, kadangkala tidak dapat layanan dari Jabatan Talikom. Adakah rancangan Kementerian berkenaan supaya memperluaskan lagi perkhidmatan talikom ke seluruh daerah di luarbandar.

**Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:** Tuan Yang di-Pertua, selagi tidak cukup line dekat Exchange itu walaupun dalam bandar, tidak usah lagi di luarbandar, tidak dapat hendak dihubungi. Jadi, sebab itu Exchange itu ditambah dari satu masa ke satu masa, umpamanya di Kuala Lumpur kita hendak tambah lagi 20,000. Jadi kalau Ahli Yang Berhormat memohon bagi kawasan Merlimau barangkali kalau berkehendakkan satu line yang jauh masuk ke kampung, itu kadang-kadang kita kenakan bayaran hendak mendirikan tiang-tiang dan line yang panjangnya sampai 5-10 batu; itu ada taksirannya. Tetapi

kalau ramai 10-20 orang di kawasan itu hendak masukkan talipon, bolehlah dibagi perbelanjaan itu, jadi kurang sedikit perbelanjaannya.

### PERTUBUHAN PELADANG

**6. Tuan Haji Ahmad bin Haji Ithnin** minta Menteri Pembangunan Ekonomi Desa menyatakan samada belanja penubuhan dan menjalankan kegiatan-kegiatan Pertubuhan-pertubuhan Peladang di kawasan-kawasan luarbandar sebagaimana yang dirancangan dibiayai oleh Kerajaan terlebih dahulu sebelum ianya dapat diserahkan kepada kaum peladang sendiri.

**Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pembangunan Ekonomi Desa (Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar):** Tuan Yang di-Pertua, ya. Tetapi tidak semua perbelanjaan menubuhkan dan menjalankan kegiatan-kegiatan Pertubuhan-pertubuhan Peladang di kawasan luarbandar dibiayai oleh Kerajaan. Rancangan ini merupakan usaha bersama antara rakyat (peladang) dan Kerajaan. Kerajaan mendahului dan menampung perbelanjaan dari segi pegawai-pegawai, membina kemudahan-kemudahan asas yang ditugaskan untuk mengendalikan pengurusan Pertubuhan-pertubuhan Peladang.

**Tuan Haji Ahmad bin Haji Ithnin:** Soalan tambahan. Adakah Kementerian ini sedar mengenai perlaksanaan Pertubuhan Peladang itu, Kerajaan hanya memberikan bantuan pegawai-pegawai. Kesulitan-kesulitan peladang dan petani masaalah hendak mengendalikan pentadbiran, adakah rancangan Kementerian berkenaan memberikan bantuan yang lebih konkrit lagi kepada mereka sebagai hendak melaksanakan dasar Pertubuhan Peladang dan Dasar Ekonomi Baru.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu kenyataan, apa soalnya?

**Tuan Haji Ahmad bin Haji Ithnin:** Soalnya, adakah Kementerian berkenaan dapat memberikan bantuan yang lebih daripada cadangan yang telah dibuat itu, samada bantuan berkenaan dengan bajak, trektor dan sebagainya kepada petani di masa yang akan datang.

**Datuk Haji Mustapha bin Abdul Jabar:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian ini memang sedar. Jadi, itulah sebab saya sebutkan bantuan-bantuan asas, misalnya, peladang-peladang itu berkehendakkan pinjaman wang modal pusingan, maka Kerajaan juga akan memberikan pinjaman kepada wang modal pusingan, dan juga barangkali kalau tidak ada kemudahan soal bajak dan lain-lain, Pertubuhan itu juga akan memberikan pertolongan dengan cara pinjaman kepada peladang-peladang.

### PASARAN GETAH MALAYSIA

**7. Dr S. Seevaratnam** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan samada eksept getah sebanyak 45% dari Kuala Lumpur dan 55% dari Singapura telah bertambah baik bagi kita sejak penubuhan Pasaran Getah Malaysia, dan jika ya, nyatakan peratusnya.

**Menteri Perusahaan Utama (Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud):** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Malaysia dan Singapura adalah dua ekonomi yang berasingan, penceraian Pasaran Getah Malaysia/Singapura adalah dijangka satu kejadian yang tidak dapat dielakkan. Dengan tamatnya perjanjian penukaran matawang asing dengan Singapura, kehidupan bersama pasaran Getah Malaysia/Singapura adalah susah hendak dijalankan. Pada awalnya selepas berasingan, pasaran getah Malaysia yang bebas telah pun menjadi kecil sedikit. Ini adalah satu kejadian yang dijangka akan berlaku oleh kerana dealers di seberang laut masih beragak-agak apakala ada perubahan mula-mula muncul. Walau bagaimanapun sesudah pasaran bebas Malaysia itu berjalan dalam dua bulan keadaan pasaran itu telah pun beransur baik. Dari segi banyaknya perniagaan pasaran getah bebas, Malaysia terus mengendali 45% daripada eksept getah Malaysia. Dari pengalaman 6 minggu baru-baru ini, kita dapat nampak tandatandanya yang Malaysia akan menambah bilangan eksept menerusi pasaran bebas kita sendiri kepada 50% dalam tahun 1974.

Dengan polisi Kerajaan Malaysia yang liberal atas pengeluaran lesen-lesen kepada broker-broker dan dealers dan dengan penyertaan yang bertambah daripada pedagang-pedagang antarabangsa dalam pasaran bebas Malaysia kita mempunyai penuh keyakinan bahawa Pasaran Getah

Malaysia akan beransur-ansur muncul sebagai satu pihak yang terkemuka di dalam Pasaran Getah Asli Sedunia.

### PENCEROBOHAN RUANG ANGKASA MALAYSIA

**8. Tuan Haji Shafie bin Haji Abdullah** minta Menteri Pertahanan menyatakan jumlah bilangan pencerobohan-pencerobohan ke ruang angkasa Malaysia yang dilakukan oleh kapalterbang-kapalterbang asing semenjak tahun 1957 hingga sekarang dan apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Malaysia ke atas perkara ini.

**Menteri Pertahanan (Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah):** Tuan Yang di-Pertua. Jawapannya ialah pencerobohan ruang angkasa negara kita hanya berlaku pada masa konfrantasi dahulu iaitu di kawasan Labis, Johor dan Tawau, Sabah. Selain dari itu tidak ada apa-apa pencerobohan ruang angkasa kita yang berlaku selepas masa itu.

**Tuan Haji Ahmad bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian yang berkenaan ini sedar bahawa ada kapalterbang daripada Singapura melalui ruang angkasa kita di kawasan Kota Tinggi, dan adakah ini dizinkan oleh pemerintah kita atau disifatkan tidak pencerobohan?

**Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah:** Tuan Yang di-Pertua, saya sedar ada kalanya kapalterbang daripada Singapura itu masuk—kapalterbang Tentera Udara terbang di angkasa ruang angkasa kita, tetapi ini adalah mengikut perjanjian—persetujuan antara kita dengan Singapura di bawah peraturan Pertahanan Lima Negara dalam mana Singapura adalah seorang daripada ahli. Dan kebenaran diberi terbang itu bukanlah terbuka terlalu lama. Apabila kapalterbang daripada Singapura hendak datang ke ruang angkasa negara kita, Singapura perlu meminta kebenaran dan hanya boleh terbang ke ruang angkasa kita jikalau diberi kebenaran daripada Kementerian Pertahanan.

**Tuan Haji Shafie bin Haji Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kerajaan berpuashati di atas bilangan alat-alat pegasan di atas penerbangan-pener-

banagan kapalterbang-kapalterbang di angkasa Malaysia yang ada di dalam negara kita pada hari ini?

**Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah:** Buat pada masa ini puas hati.

**Tuan Haji Ahmad bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, berbangkit dari jawapan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan tadi, saya cuma hendak tahu bahawa kapalterbang perang Singapura melalui angkasa kita kiranya berlaku kejatuhan atau kerosakkan dalam negeri kita ini siapakah yang akan ganti kerosakan itu, adakah Kerajaan Singapura atau Kerajaan Malaysia? Takdirnya berlaku kapalterbang itu jatuh pada sebuah rumah, siapa hendak ganti kerosakan itu samada Kerajaan Singapura atau Kerajaan Malaysia?

**Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah:** Jawapan kepada soalan ini, ialah perkara ini ramalan sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Haji Ahmad bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, kalau ditakdirkan, kapalterbang ini selalu jatuh, jadi sebelum daripada jatuh itu lebih baik kita berhati-hati dalam masalah ini menurut hemat saya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ramalan sekali pun, itu soalan lain.

### PENYAKIT PEREMPUAN

**9. Tuan Su Liang Yu** minta Menteri Kesihatan menyatakan samada langkah-langkah telah atau sedang diambil oleh Kerajaan untuk menghapuskan penyakit perempuan di kalangan belia-belia dan pegawai-pegawai Kerajaan terutama sekali mereka yang bekerja di pekan-pekan besar seperti Ipoh, Kuala Lumpur, Johor Bahru, Pulau Pinang dll., dan samada beliau akan mengambil inisiatif untuk mengadakan perbincangan di atas perkara ini dengan negara-negara ASEAN yang lain terutamanya Negeri Thai dan Singapura dengan tujuan untuk mengatasi masalah ini sebelum ianya merebak.

**Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew):** Kementerian saya sedar bahawa ada masalah mengenai Penyakit Perempuan di kalangan setengah-setengah sektor penduduk

terutama sekali di bandar-bandar besar, dan kebanyakan kes-kes ini sedang menerima rawatan dari doktor-doktor pribet. Walau bagaimanapun, langkah-langkah sudah pun diambil bagi memohon seorang Perunding Pertubuhan Kesihatan Sedunia dalam mengawal Penyakit Perempuan dan membuat satu tinjauan di negara ini untuk menentukan keluasan masalah ini dengan tujuan memulakan satu Rancangan Kawalan Penyakit Perempuan. Masalah Penyakit Perempuan sebagai masalah sempadan telah menjadi satu perkara perbincangan-perbincangan di antara Malaysia dan Negeri Thai di Mesyuarat-mesyuarat Tahunan Kesihatan Malaysia-Negeri Thai.

### FAMA—PASARAN BUAH-BUAHAN

**10. Tuan Edwin anak Tangkun** (*di bawah S.O. 24*) minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan sejauh manakah FAMA telah melaksanakan rancangan pemasaran buah-buahan di Sarawak.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pertanian dan Perikanan (**Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar**): Tuan Yang di-Pertua, rancangan untuk memperbaiki pemasaran buah-buahan yang dijalankan oleh FAMA biasanya meliputi tiga peringkat iaitu kawalan perniagaan dan memajukan pasaran. Di antara tiga peringkat ini FAMA adalah menumpukan perhatian terhadap memajukan pasaran dan kegiatan-kegiatan perniagaan untuk menambahkan penggunaan buah-buahan tempatan dan memperbaiki sistem pemasaran pada keseluruhannya.

FAMA telah membuat beberapa kajian mengenai pemasaran yang ada sekarang. Hasil daripada kajian-kajian itu FAMA telah menyusun rancangan untuk memulakan perniagaan membeli dan menjual buah-buahan di Negeri Sarawak pada tahun 1974. Maklumat-maklumat sedang diperolehi mengenai luang-luang pasaran yang ada sekarang dan sistem agehan buah-buahan di Negeri itu untuk membolehkan FAMA melaksanakan projek perniagaan buah-buahan yang berkesan.

Berhubung dengan perlaksanaan kegiatan-kegiatan untuk menggalakkan penggunaan yang lebih dari buah-buahan tempatan di Sarawak FAMA sedang mengedarkan risalah-risalah mengenai pengeluaran-penge-

luaran dan penggunaan-penggunaan buah-buahan tempatan. Kegiatan-kegiatan itu akan diluaskan lagi dalam tahun 1974 ini termasuk mengadakan pertunjukkan masak-memasak dengan menggunakan buah-buahan tempatan, berbagai-bagai pertandingan yang bertujuan untuk menyedarkan orang ramai tentang pentingnya buah-buahan tempatan.

### TANAH BUMIPUTRA TERGADAI

**11. Tuan Abu Bakar bin Umar** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Tugas-tugas Khas menyatakan berapa ekarkah tanah-tanah bumiputra yang masih tergadai kepada peminjam-peminjam wang di seluruh Semenanjung Malaysia hingga hari ini dan nyatakan berapa ekarkah yang sudah ditebus oleh Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara dan berapakah jumlah wang yang telah digunakan untuk penebusan tersebut.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kemajuan Tanah (**Tuan Mohamed bin Ujang**): Tuan Yang di-Pertua, mengikut aduan-aduan yang telah diterima oleh Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara (FELCRA) sehingga 31hb Oktober, 1973 jumlah tanah-tanah Bumiputra yang tergadai ialah 857 ekar. Jumlah tanah-tanah yang telah diluluskan untuk diberi pinjaman bagi menebus ialah 22 ekar 1 rood 10 pole sementara jumlah pinjaman untuk menebuskan tanah yang telah diluluskan ialah \$20,000. Pihak Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara (FELCRA) masih lagi memberi peluang dan menerima pengaduan-pengaduan berkenaan dengan apa-apa orang bumiputra yang tergadai dengan syarat pengadai-pengadai itu telah dilakukan sebelum 30hb November, 1971 iaitu tarikh pengumuman oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan atas perkara ini.

**Tuan Haji Mawardi bin Lebai Teh:** Soalan tambahan. Adakah benar bahawa tanah kepunyaan orang Melayu di Negeri Perlis sudah pun tergadai sebanyak  $\frac{3}{4}$  dan jika benar, apakah langkah yang hendak diambil oleh Kementerian ini bagi memulangkan kembali tanah tersebut?

**Tuan Mohamed bin Ujang:** Tuan Yang di-Pertua, kalau sekiranya pihak berkenaan itu membuat pengaduan kepada FELCRA perkara itu akan disiasat.

## DAGING—KENAIKAN HARGA

**12. Tuan Haji Ahmad bin Arshad** minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan samada beliau sedar bahawa harga daging lembu, kambing dan ayam sedang melambung tinggi hinggakan rakyat dari golongan yang berpendapatan rendah tidak mampu untuk membelinya dan jika sedar apakah langkah-langkah yang telah diambil bagi mengawal harga daging dan nyatakan langkah-langkah jangka panjang dan jangka pendek bagi menambah pengeluaran daging dalam negeri ini.

**Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian ini sedar tentang kenaikan harga daging terutamanya termasuk harga daging lembu, kambing dan ayam di musim perayaan, dibandingkan dengan harga yang didapati dalam tahun 1972. Misalnya daging lembu dijual di Kuala Lumpur dengan harga di antara \$3.20 hingga \$3.40 sekati dibandingkan dengan harga \$2.00 hingga \$2.20 sekati tahun lalu. Untuk mengawal harga jualan runcit Lembaga Kemajuan Ternakan Negara dengan kerjasama agensi-agensi Kerajaan yang lain telah bertindak untuk menstabilkan harga dengan cara mengadakan bekalan binatang ternakan untuk disembelih dengan cukup. Lembaga itu menjalankan penyembelihan di Pusat Penyembelihan di Batu Tiga Shah Alam dan mengedarkan ke seluruh Negeri Selangor dan Negeri Sembilan, buat pertama kalinya pada musim hari raya puasa yang lalu.

Mungkin juga ada penduduk-penduduk yang tidak mampu membeli daging lembu, kerbau dan kambing kerana pendapatnya kecil. Sebaliknya Kerajaan telah menggalakkan semua peringkat rakyat di kawasan-kawasan luarbandar supaya memelihara binatang-binatang ternakan termasuk ayam dan itek. Saya fikir mereka yang tidak mampu membeli daging lembu, kerbau dan kambing bolehlah menyembelih ayam yang dipeliharanya.

Bagi langkah jangka panjang Kementerian Pertanian dan Perikanan telah menubuhkan Lembaga Kemajuan Ternakan Negara untuk melaksanakan perusahaan-perusahaan, pemeliharaan ternakan terutama lembu dengan cara besar-besaran. Untuk pengeluaran bekalan daging dan susu Lembaga itu sedang giat memajukan se-

banyak 7 kawasan-kawasan ternakan dengan cara besar-besaran pada masa akan datang. Rancangan-rancangan pawah juga sedang diperluaskan lagi.

**Tuan Hashim bin Gera:** Soalan tambahan. Oleh kerana kekurangan daging dan binatang ternakan di negara ini, adakah Kerajaan berfikir mencukupi memberi bantuan kepada orang kampung seekor kerbau bagi tiap-tiap satu kampung. Dalam kawasan saya seramai 76,000 penduduk yang mengandungi 50 buah kampung mendapat 50 ekor. Jika sebenarnya Kerajaan insaf atas kekurangan itu apalah salahnya kerbau pawah itu diberi lebih banyak lagi daripada hari ini. Bolehkah Kerajaan atau Kementerian Pertanian dan Perikanan memberikan kerbau pawah lebih banyak lagi? Jangan seekor sahaja bagi satu kampung tidak memadai, sebab dicubit sedikit seorang pun habis dagingnya.

**Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar:** Sebenarnya kerbau pawah yang diberi satu kampung seekor itu adalah sebagai percubaan sahaja. Apabila maju Kementerian ini akan menimbangkannya.

**Tuan Hashim bin Gera:** Soalan tambahan. Selalu diterima jawapan daripada Kerajaan, cuba dan akan cuba. Semenjak tahun 1965 sampai hari ini tahun 1973, 8 tahun mencuba membela kerbau pawah seekor, tidakkah dapat keputusan. Bagaimanakah keadaan hal ini.

**Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar:** Saya fikir sesuatu perkara itu memang elok kita cuba dahulu, tidak boleh serta-merta sebab seekor kerbau harganya lebih mahal daripada seekor lembu. Apabila telah dicuba dan mereka sudah ada kebolehan dan betul-betul boleh maju, Kerajaan memang sentiasa menggalakkan penternak ini lebih maju lagi. Kalau sekiranya kita telah cuba, tetapi tidak mendapat kemajuan yang baik, saya fikir wang Kerajaan yang akan diberikan itu kita kena berhati-hati.

**Tuan T. S. Gabriel:** Soalan tambahan. Berapakah harga sekati daging lembu daging kambing dan sekati ayam pada hari ini?

**Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar:** Soalan ini tidak ditanya pada hari ini. Kalau ditanya hari ini, saya akan siasat di market untuk beritahu kepada Yang Berhormat itu.

**Tuan T. S. Gabriel:** Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar lebih kurang tiga empat hari dahulu harga daging telah naik 50 sen sebab banjir berlaku di Kelantan dan lain-lain Negeri?

**Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar:** Tuan Yang di-Pertua, boleh jadi.

**Raja Nong Chik bin Raja Ishak:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menggalakkan membela lembu kambing, ayam dan sebagainya supaya dapat mengatasi inflasi. Saya hendak bertanya sesudah beliau menyatakan demikian itu, apakah tindakan Kementerian yang berkenaan terhadap membesar dan membiakkan belaan ternakan-ternakan ini.

**Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar:** Kepada orangramai susah kita hendak membuat ternakan dengan cara besar-besaran sebagaimana yang dikehendaki oleh Ahli Yang Berhormat itu, tetapi bagi pihak MAJUTERNAK ada lebih senang untuk membiakkan ternakan ini dengan mencari kawasan tanah yang besar di dalam 20,000-30,000 ekar tiap-tiap satu kawasan untuk membela 20,000-30,000 ekor lembu, kerana bagi pihak penternak susah sedikit untuk menjaga dan mengawal kalau kita beri dengan cara besar-besaran. Jika sekiranya rancangan MAJUTERNAK ini boleh maju dan mendapat kejayaan, Kementerian ini akan mempelawa kepada orangramai untuk membeli saham Lembaga ini di masa yang akan datang.

**Tuan Haji Ahmad bin Arshad:** Soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang berkenaan adakah Kementerian ini dapat memberikan kepastian di Dewan ini bahawa ternakan yang ada dalam tanahair kita ini cukup untuk digunakan oleh rakyat negeri ini.

**Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar:** Tuan Yang di-Pertua, jika sekiranya tidak dalam musim perayaan pada masa ini mencukupi. Akan, tetapi, kalau musim perayaan orangramai akan berlumba-lumba

untuk membeli daging dengan lebih banyak, maka pada masa itulah kekurangan daging di dalam negara kita.

**Tuan Haji Ahmad bin Arshad:** Soalan tambahan. Untuk mencukupkan daging dalam negeri kita ini, Kementerian ini telah membuat satu pesanan mengimpot lembu dan kerbau daripada Indonesia. Tetapi rakyat hendak tahu kenapa lembu yang diimpot dari Indonesia itu sampai sekarang belum sampai ke negeri ini. Apakah sangkutnya dalam masaalah itu.

**Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar:** Kementerian ini memang membawa lembu-lembu daripada luar negeri apabila masa musim-musim perayaan melalui Lembaga ini. Tetapi soal yang ditanya di mana sangkutnya lembu itu tidak sampai itu saya tidak tahu. Pesanan yang mana satu tidak sampai itu, saya tidak faham.

**Tuan Haji Ahmad bin Arshad:** Adakah Kerajaan Malaysia mengimpot lembu daripada Indonesia sebelum daripada hari raya dahulu?

**Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar:** Saya kena siasat terlebih dahulu, Tuan Yang di-Pertua.

**Raja Nong Chik bin Raja Ishak:** Soalan tambahan. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen telah menyatakan Kerajaan ada membuka satu tempat ternakan besar-besaran. Adakah Kerajaan bercadang pada masa yang akan datang membuka satu rancangan besar-besaran dan menempatkan orang-orang kampung yang hendak betul-betul berternak lembu atau kerbau supaya mereka menjadi perternak atau cowboy yang sebenar-benarnya.

**Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar:** Tuan Yang di-Pertua, syor Ahli Yang Berhormat itu pada sepintas lalu memang baik, tetapi sebenarnya soal menjaga kerbau atau lembu ini hendaklah ada pengalaman, daripada segi membela, memberi makanan, memberi ubat dan menjaga kesihatan. Buat masa ini Kementerian memikirkan belumlah sampai masanya untuk mengadakan beberapa kampung cowboy di dalam negara Malaysia ini. Tetapi MAJUTERNAK ini sebagai satu perintis, jika sekiranya mendapat kejayaan, barangkali di masa akan datang boleh kita

aturkan kawasan-kawasan yang difikirkan sesuai untuk berternak dengan cara besar-besaran.

**Raja Nong Chik bin Raja Ishak:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah dengar tadi di atas penerangan-penerangan Setiausaha Parlimen . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Soal, bukan syor. Dia menganggapkan syor tadi.

**Raja Nong Chik bin Raja Ishak:** Syor tentang pengalaman. Rakyat di kampung membela lembu dan kambing ini memang ada pengalaman. Kalau tidak ada pengalaman bolehkah diberi pengalaman sekarang ini kepada orang-orang kampung yang hendak masuk dalam rancangan yang begini.

**Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar:** Memang ada latihan-latihan di Pusat-pusat Haiwan, dan kita selalu mempelawa orang-orang kampung yang ingin mendapatkan pengetahuan cara memternak ini di Pusat-pusat Latihan Haiwan.

**Tuan Valentine Cotter:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Menteri yang berkenaan sedar bahawa harga daging-daging di Sarawak sangat mahal iaitu \$4 sekati?

**Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar:** Apakah soalnya?

**Tuan Valentine Cotter:** Adakah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sedar bahawa harga daging-daging di Sarawak sangat mahal . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada apa di Sarawak?

**Tuan Valentine Cotter:** Adakah sedar bahawa harga daging-daging di Sarawak sangat mahal hingga \$4 sekati? Apa sebabnya?

**Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar:** Boleh jadi sebab di Sarawak kurang lembu.

#### LESEN BELAJAR MEMANDU

13. **Tuan Chan Siang Sun** minta Menteri Perhubungan menyatakan, memandangkan ramai pemegang-pemegang lesen belajar memandu tidak dapat diuji dalam tempoh

tiga bulan lesen itu sah digunakan, oleh kerana kekurangan penguji-penguji pemandu samada beliau akan melanjutkan tempoh lesen ini tanpa apa-apa bayaran tambahan.

**Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya telah mengambil langkah-langkah supaya pemegang-pemegang lesen belajar memandu dapat diuji dalam tempoh tiga bulan. Walau bagaimanapun, untuk makluman Yang Berhormat, setengah-setengah pemegang lesen belajar memandu dapat diuji apabila tempoh lesennya selama 3 bulan hampir tamat kerana mungkin mereka belum beberapa cekap memandu. Baru-baru ini 20 lagi Penguji-penguji Derebar telah diambil dan ditempatkan di semua Pejabat Pengangkutan Jalan Negeri-negeri untuk menambakan bilangan Penguji Derebar yang ada di pejabat-pejabat tersebut dan adalah diharapkan mereka dapat menguji semua pemegang-pemegang lesen belajar memandu yang telah mendaftarkan nama untuk diuji dalam tempoh 3 bulan.

#### JAWATAN TERTINGGI PERGURUAN

14. **Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah** minta Menteri Pelajaran menyatakan samada Kerajaan sedar bahawa peluang mendapatkan jawatan tertinggi di dalam lapangan perguruan terlalu kurang jika dibandingkan dengan lapangan lain dalam perkhidmatan Kerajaan. Jika ya, nyatakan peratus bagi perbandingan.

**Tuan Haji Mohamed bin Yaacob:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedar dan keadaan ini sedang diperbaiki.

#### BANCI KAJIAN TENAGA RAKYAT

15. **Tuan Loh Jee Mee** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan samada Penyiasatan Tenaga Rakyat yang Kedua yang dilancarkan pada 7hb Mei, 1973 sudah tamat, jika ya berikan satu lapuran yang lengkap mengenai penyiasatan itu; dan jika tidak, bilakah ia di jangka akan tamat dan lapurannya disediakan untuk Ahli-ahli Parlimen dan orangramai.

**Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan Haji Ramli bin Omar):** Tuan Yang di-Pertua, kerja-kerja pembancian luar mengenai

dengan Kajian Tenaga Rakyat (Sektor Swasta) yang dilancarkan di Semenanjung Malaysia dalam bulan Mei, 1973 telah siap dan hasil penyiasatan sedang diusahakan. Hasil-hasil pertama (data permulaan) Kajian ini dianggar siap dalam bulan Februari, 1974.

Kajian tersebut telah diperluaskan ke Sarawak dalam bulan Ogos, 1973 dan ke Sabah pada bulan September, 1973. Kerja pembancian dalam kedua-dua Negeri ini hampir-hampir selesai. Hasil-hasil kajian pertama akan didapati sebaik sahaja hasil-hasil pertama kajian di Semenanjung Malaysia dicetak.

### SEKOLAH BERASRAMA PENUH

**16. Dr Chen Man Hin** minta Menteri Pelajaran menyatakan samada lebih banyak lagi sekolah-sekolah berasrama penuh dapat dibina untuk memberi pelajaran yang sempurna kepada anak-anak petani, penoreh-penoreh getah dan pekerja-pekerja yang tinggal jauh dari sekolah.

**Tuan Haji Mohamed bin Yaacob:** Tuan Yang di-Pertua, Ya. Selain daripada 9 buah sekolah berasrama penuh yang ada sekarang ini, 9 buah Sekolah Menengah Sains yang berasrama penuh akan siap pada tahun 1974 dan 2 buah lagi akan siap pada tahun 1975.

Keperluan untuk menambah lagi bilangannya akan dikaji dari semasa ke semasa.

**Raja Nong Chik bin Raja Ishak:** Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, tahu atau tidak Menteri yang bertanggungjawab iaitu ramai anak-anak orang kampung yang telah dipilih pada tahun yang akan datang daripada sekolah-sekolah di luarbandar banyak yang terpilih untuk bersekolah dalam bandar ini, tetapi tidak ada tempat asrama, jadi bolehkah diberi asrama kepada mereka atau tidak?

**Tuan Haji Mohamed bin Yaacob:** Tuan Yang di-Pertua, asrama-asrama untuk kanak-kanak di luarbandar di Kuala Lumpur ini ada disediakan oleh Kerajaan Negeri Selangor. Jika sekiranya ada lagi tempat yang tidak mencukupi Kementerian saya akan mengkaji hal ini, tetapi diharapkan murid-murid daripada luarbandar yang masuk sekolah di Kuala Lumpur ini ada juga yang akan masuk dalam Asrama

Sekolah Sains Menengah yang akan siap pada bulan Januari tahun ini di Kuala Lumpur.

**Tuan V. Veerappen:** Oleh kerana Kerajaan tidak boleh mengadakan sekolah-sekolah berasrama di tiap-tiap bandar ataupun di tiap-tiap daerah bolehkah Kerajaan menimbangkan untuk memberi pertolongan murid-murid membayar tambang ataupun memberi pertolongan kepada sekolah-sekolah untuk sekolah-sekolah itu boleh mengadakan kenderaan sendiri untuk menolong murid-murid yang duduk berjauhan dari sekolah-sekolah.

**Tuan Haji Mohamed bin Yaacob:** Kementerian saya tidak ada peruntukan untuk kenaikan murid-murid ini, tetapi kalau perlu bolehlah murid-murid yang miskin itu meminta bantuan dari Jabatan Kebajikan Am.

**Tuan T. S. Gabriel:** Soalan tambahan. Kerajaan kita telahpun mengadakan satu laporan Kajian Keciciran atas masalah murid-murid miskin dan yang susah dalam negeri kita dan berkaitan dengan soalan tersebut, adakah apa-apa rancangan untuk menolong murid-murid yang susah oleh Kementerian Pelajaran untuk memberi free transport service kepada murid-murid yang duduk di luarbandar dan jauh daripada sekolah?

**Tuan Haji Mohamed bin Yaacob:** Tuan Yang di-Pertua, saya baharu sahaja jawab soalan ini kepada Ahli Yang Berhormat dari Seberang Utara.

### PEKERJA LADANG/LOMBONG

**17. Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan bilangan pekerja-pekerja dalam:

(i) ladang-ladang; dan

(ii) lombong-lombong yang masih lagi tinggal dalam rumah-rumah yang sub-standard dan juga nyatakan berapa lama lagi masa diperlukan sebelum semua pekerja-pekerja ladang-ladang dan lombong-lombong di Malaysia akan tinggal dalam rumah-rumah yang memuaskan seperti yang diperuntukan dalam Akta Standard Perumahan Minima yang telah diluluskan dalam tahun 1966.

**Tuan Haji Ramli bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, sehingga 31-12-72, terdapat kesemuanya 123,217 yunit tempat tinggal pekerja-pekerja yang diadakan oleh majikan-majikan dari sektor swasta di Semenanjung Malaysia. Daripada bilangan ini, 6,952 yunit (iaitu 5.6% dari jumlah bilangan) adalah bawah-piawaian. Sementara pada 31-12-67, iaitu tahun pertama selepas berkuatkuasanya Akta Pekerja-pekerja (Piawaian-piawaian Minima Perumahan) dalam bulan Oktober, 1966, terdapat 128,843 yunit, yang 12,402 yunit daripadanya adalah bawah-piawaian.

Berikut ini ialah perangkaan mengenai bilangan pekerja-pekerja yang diberi kemudahan perumahan bawah-piawaian di ladang-ladang dan lombong:

	Bilangan yunit bawah-piawaian		Anggaran bilangan penghuni-penghuni
Ladang ..	5,990	11,980 dewasa	17,970 kanak-kanak
Lombong ..	333	670 dewasa	2,000 kanak-kanak

Yunit-yunit bawah-piawaian ini yang dibina sebelum Oktober, 1966, bukanlah terlalu buruk. Merekanya digelar bawah-piawaian hanya kerana keadaan mereka kurang sedikit pada taraf minima, mengenai kawasan-kawasan yang boleh diduduki dan pagedaran udara, dan seterusnya.

Seperti dapat dilihat dari perangkaan di atas, pegawai-pegawai di Kementerian saya adalah sentiasa mengambil tindakan supaya majikan-majikan menukar tempat-tempat tinggal bawah-piawaian kepada tempat-tempat tinggal yang bertaraf atau menggantikan mereka dengan tempat-tempat tinggal yang baru.

### SEKOLAH VOKESYENAL

**18. Tuan Jonathan Narwin anak Jinggong** minta Menteri Pelajaran menyatakan langkah-langkah yang sedang diambil untuk menubuhkan lebih banyak lagi institusi-institusi teknik dan vokesyenal di Sarawak untuk menyerap murid-murid keciciran di Negeri itu.

**Tuan Haji Mohamed bin Yaacob:** Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini sudah ada sebuah sekolah vokesyenal di Kuching. Sekolah vokesyenal yang kedua sedang dibina di Sibu dan akan dapat mengambil penuntut-penuntut pada tahun 1975. Sekolah vokesyenal yang ketiga dirancang akan dibina di Miri dan dijangka akan dibuka pada tahun 1977.

Sayugia dimaklumkan bahawa Sekolah-sekolah Vokesyenal ini adalah memberi latihan perdagangan dan trade bagi mereka yang lulus Sarawak Junior Secondary Course atau Overseas School Certificate atau yang setara dengannya dan bukan untuk menyerap murid-murid yang cicir.

### RUMAH PANGSA HARGA MURAH

**19. Tuan Loh Jee Mee** minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan menyatakan:

- (i) samada beliau sedar bahawa sewa rumah-rumah murah jenis pangsa di bandaraya sudah naik, dan jika ya, mengapa kenaikan ini berlaku; dan
- (ii) memandangkan inflasi yang melambung naik pada masa sekarang ini, samada Kementerian beliau mempunyai apa-apa rancangan untuk menurunkan sewa bagi rumah-rumah murah jenis pangsa dan jika tidak, mengapa.

**Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan (Datuk Ong Kee Hui):** Tuan Yang di-Pertua,

- (i) Sewa rumah-rumah pangsa harga murah yang telah dibina oleh Dewan Bandaraya tidak pernah dinaikkan. Bermula dari 1hb Julai, 1971 sewa rumah-rumah pangsa ini telah disesuaikan di mana akibatnya sewa-sewa bagi rumah-rumah pangsa yang di dalam kawasan 3 batu jejari dari Pejabat Besar Pos telah diturunkan dan sewa-sewa bagi rumah-rumah pangsa di luar kawasan ini tetap pada had sebelum 1971. Sewa-sewa rumah pangsa itu masih tetap dihad tersebut hingga ke hari ini.
- (ii) Adalah tidak mungkin untuk menurunkan sewa-sewa dikenakan sekarang ini, memandangkan yang jumlah sewa yang didapati cuma memadai membayar bayaran-bayaran pinjaman serta penyelenggaraan dan penjagaan kawasan-kawasan perumahan itu. Dewan Bandaraya, pada hakikatnya, memberikan bantuan tambahan kepada kawasan-kawasan perumahan itu dengan menyediakan kemudahan-kemudahan seperti tempat perlindungan bagi penjaja-penjaja kolam berenang di rumah-rumah pangsa.

## BUMIPUTRA DALAM PERDAGANGAN DAN PERINDASTRIAN

**20. Tuan Haji Mawardi bin Lebai Teh** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sehingga ini bagaimanakah sambutan yang diterima dari kalangan pengusaha-pengusaha dan kaum pedagang terhadap hasrat Kerajaan mahu lebih banyak penyertaan orang-orang Melayu dalam bidang perusahaan dan perdagangan. Adakah sekarang orang-orang Melayu diberi peluang untuk menjadi pengurus atau penolongnya dalam perniagaan mereka.

**Datuk Musa Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, pihak swasta adalah sedar tentang hasrat Kerajaan untuk menambahkan lagi penyertaan Bumiputra dalam bidang perdagangan dan perindustrian. Kerajaan telah mengambil tindakan-tindakan tertentu untuk mencapai matlamat ini. Sambutan daripada pihak swasta bolehlah juga dikatakan memuaskan di mana sekarang ini kelihatan bertambahnya bilangan Bumiputra yang diambil bekerja di dalam industri-industri walaupun di dalam peringkat bawahan. Saya suka mengambil kesempatan memaklumkan di sini bahawa setakat ini di peringkat industri-industri yang mendapat taraf perintis dan lain-lain galakan, sebanyak 12% daripada peringkat pengurusan adalah terdiri daripada bumiputra. Adalah diharap bahawa hasil dari langkah-langkah latihan-latihan yang sedang dan akan dijalankan oleh pihak Kerajaan, angka ini akan meningkat dalam masa-masa akan datang.

Setakat ini sambutan pihak swasta tidaklah mencukupi dan masih banyak lagi yang boleh dibuat oleh mereka untuk mencapai matlamat ini. Saya suka menegaskan di sini bahawa pihak swasta harus memainkan peranannya berusaha dalam lapangan latihan dengan mengadakan rancangan-rancangan yang lebih positif terutama sekali badan-badan yang mewakilinya. Begitu juga tawaran-tawaran telah dibuat kepada bumiputra untuk mengambil bahagian dalam aktiviti pelaburan. Sambutan yang diberi oleh pekilang-pekilang, pengeluar-pengeluar dalam bidang pembahagian barang-barang pengguna telahpun saya terangkan di Dewan ini semasa menjawab soalan dari Yang Berhormat Tuan Haji Mawardi bin Lebai Teh pada 27hb November, 1973.

**Raja Nong Chik bin Raja Ishak:** Soalan tambahan. Apakah tindakan yang tertentu yang akan diambil oleh Kerajaan jika sekiranya mereka itu engkar?

**Datuk Musa Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini tidak didapati pihak swasta yang engkar kerana mereka hendak engkar. Mereka cuma tidak dapat memenuhi hasrat dan tujuan Kerajaan oleh sebab-sebab yang tertentu dan apabila mereka mengadu kepada Kerajaan pihak Kerajaan sentiasa memberi peluang kepada mereka untuk menolong dan membantu mereka.

**Raja Nong Chik bin Raja Ishak:** Soalan tambahan. Kalau saya tidak silap di waktu Timbalan Menteri itu membuka Kilang Volvo maka di situ ada teguran daripada Timbalan Menteri yang berkenaan dengan peserta-peserta orang Melayu di dalamnya dan juga pekerja-pekerja. Selepas teguran itu bagaimana tindakan pihak-pihak mereka?

**Datuk Musa Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, di dalam ucapan saya apabila saya merasmikan pembukaan Bangunan Volvo baru-baru ini saya cuma menyentuh apa yang saya panggil sebagai psychological barriers yang dikenakan oleh mereka—kakitangan pihak swasta di peringkat Junior Executive dan Senior Executive, tetapi bukan peringkat atasan sekali yang menyebabkan suasana tidak sesuai untuk bumiputra duduk di dalam peringkat swasta itu. Jadi, soal langkah ini tidaklah dapat diatasi oleh sebab soal-soal psychological tidak boleh dibuat dengan sertamerta malah dengan langkah-langkah menunjukajar kepada mereka bagaimana pentingnya Dasar Ekonomi Baru kita ini dapat dijalankan dengan jayanya untuk kepentingan negara pada keseluruhannya dan bukan untuk kepentingan sesuatu pihak sahaja.

## PERKHIDMATAN KERETAPI TANAH MELAYU

**21. Tuan Chan Fu King** minta Menteri Perhubungan menyatakan samada beliau akan menamatkan semua perkhidmatan Keretapi Tanah Melayu yang kini tidak ekonomik dengan tujuan memperbaiki kedudukan kewangan Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu.

**Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:** Tuan Yang di-Pertua, Perkhidmatan Keretapi Tanah Melayu yang tidak ekonomik akan dikaji oleh Kementerian saya dari semasa ke semasa. Sekiranya penutupan perkhidmatan itu didapati sesuai dan tidak akan memberikan kesusahan kepada orangramai maka perkhidmatan itu akan ditamatkan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa di antara perkhidmatan yang tidak ekonomik dan akan memburukkan kedudukan kewangan Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu ialah selalunya berlaku kegelinciran keretapi seperti apa yang berlaku di Rembau baharu-baharu ini di mana \$2,000,000 nilai barang-barang yang berkaitan, bolehkah Yang Berhormat Menteri menjelaskan kepada Dewan ini mengapa sungguhpun beliau ada membuat jaminan bahawa Perkhidmatan Keretapi akan diperbaiki kegelinciran yang begitu besar boleh lagi berlaku; adakah Kementerian yang berkenaan akan membuat satu penyiasatan untuk perkara ini?

**Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:** Tuan Yang di-Pertua, itu soalan lain. Perkara yang dibangkitkan ialah samada perkhidmatan Keretapi akan diberi ataupun tidak. Saya kata saya tidak akan memberhentikan kalau menyusahkan orangramai. Masalah kegelinciran di mana-mana dunia pun ada berlaku di mana 10 orang terbunuh di London dan 9 orang di Bangkok. Ini masalah kemalangan, jangan dibangkitkan.

**Tuan Hashim bin Gera:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Menteri Perhubungan mengetahui sebab-sebab kerugian keretapi penumpang di antara Tumpat dengan Pasir Mas, di antara Rantau Panjang dengan Sungai Golok? Jika mengetahui sebab-sebabnya apakah tindakan yang akan dibuat?

**Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:** Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan jalan-jalan yang pendek walaupun ramai orangnya, keadaan sesak, tetapi kebanyakan tidak membayar tambang. Kalau dibayar tambang-pun jalan yang pendek ini tidak ekonomik, tetapi kita memberi perkhidmatan kepada orangramai. Sekiranya ada alternative routes, umpamanya ada perkhidmatan bas, atau ada teksi, apa faedahnya diberikan perkhidmatan

keretapi. Kalau menaiki bas adalah lebih senang. Sebab itulah dia tidak menaiki keretapi, ini yang biasanya terjadi.

**Tuan Hashim bin Gera:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebagaimana jawapan Menteri Perhubungan tadi—jalan pendek, keretapi sesak. Apa yang berlaku daripada Tumpat ke Pasir Mas penumpang-penumpang ramai. Apabila pegawai yang menjaga keretapi itu menjual tiket, penumpang itu tidak mahu menerima tiket, diberinya sahaja wang ini; Ambil untuk mu! Jika pekerja itu menolak dia akan kena kapak kecil. Jadi, apakah langkah Kerajaan mengawal pekerja-pekerja keretapi itu? Perkara ini bukan baharu berlaku, tetapi sudah lama.

**Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:** Tuan Yang di-Pertua, kalau Ahli Yang Berhormat itu tahu, tolonglah beritahu siang-siang supaya kita dapat menyelidik dan mengambil tindakan. Tindakan sudah pun diambil di atas perkara-perkara yang semacam ini, bukan saya tidak tahu, tetapi principle yang saya katakan ini, faktor-faktor yang besar itulah macam Tapah Road, Kelang, jalan-jalan yang pendek ini tidak ekonomik.

**Tuan Haji Ahmad bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah betul yang Kementerian ini bagi hendak menentukan kerugian Jabatan keretapi ini maka gerabak-gerabak atau keretapi ini dimuatkan dengan muatan yang lebih daripada had, adakah betul perkara ini?

**Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:** Ini tak ada kena-mengena dengan keretapi.

**Tuan T. S. Gabriel:** Soalan tambahan. Yang Berhormat Menteri ada mengatakan kemalangan keretapi telahpun berlaku di London dan Bangkok. Jikalau saya tidak salah faham Yang Berhormat Menteri hendak kemalangan berlaku di tanahair kita di antara keretapi dengan keretapi. Adakah Yang Berhormat Menteri suka kemalangan-kemalangan keretapi berlaku di tanahair kita?

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu soalan lain, yang bukan-bukan soalnya.

## RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

### RANG UNDANG-UNDANG MESIN CETAK (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta Mesin Cetak, 1948; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan Menteri Penerangan; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Mesyuarat kali ini.

### RANG UNDANG-UNDANG CUKAI SPEKULASI TANAH

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi membuat peruntukan bagi mengenakan, mentafsir dan memungut cukai atas keuntungan modal yang didapati daripada spekulasi tanah dan bagi perkara-perkara yang bersampingan dan berkenaan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Mesyuarat kali ini.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1974

#### DAN

#### USUL

### ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1974

#### Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis (20hb Disember, 1973).

*Majlis Mesyuarat menjadi Jawatankuasa.*  
(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*  
*Jawatankuasa*)

*Perbahasan disambung semula.*

3.33 ptg.

#### JADUAL

*Kepala B. 1 hingga B. 11, B. 13, P. 7 dan P. 9—*

**Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri (Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail):** Tuan Pengerusi, menyambung

keterangan saya pada hari semalam maka saya suka menyatakan berkenaan dengan peruntukan bagi UDA dalam tahun 1974, saya merasa sukacita melihat bahawa Ahli-ahli Dewan dalam ucapan masing-masing telah menyokong objektif-objektif UDA dan projek-projek pembangunan UDA.

Saya ingin menegaskan sekali lagi, sebagaimana saya telah tegaskan pada hari semalam, bahawa Kerajaan menganggap UDA sebagai satu daripada agensi Kerajaan yang terpenting untuk melaksanakan objektif-objektif utama Dasar Ekonomi Baru iaitu menyusun semula masyarakat melalui pembangunan di kawasan bandar.

Kerajaan kini berpuas hati dengan rancangan-rancangan serta projek-projek jangka pendek dan jangka panjang yang telah dirancang dan dilaksanakan oleh UDA. Kerajaan juga adalah berpuas hati dengan hasil-hasil yang telah dilaksanakan oleh UDA dalam jangka masa 20 bulan perjalanannya setakat ini.

Sehingga hari ini UDA telah berjaya menempatkan berbagai-bagai perniagaan di kawasan-kawasan yang baik dan strategi untuk lebih kurang 300 peniaga-peniaga bumiputra. UDA telah juga menempah lebih 400 tempat-tempat perniagaan yang kini sedang dalam proses pembinaan di dalam beberapa kompleks perniagaan di Kuala Lumpur dan di bandar-bandar yang lain. UDA telah juga mengambil penyertaan lebih daripada 25 projek usaha bersama di antara bumiputra dan bukan bumiputra bagi membina tempat-tempat perniagaan dan projek perumahan. Sementara itu UDA juga berusaha membina sendiri bangunan-bangunan perniagaan dan perumahan iaitu projek UDA 100%, 124 buah kedai dan 104 yunit rumah adalah dijangka akan siap pada bulan Mac, 1974, hanya dua tahun setelah terbentuknya UDA.

Untuk catitan dan untuk membetulkan penggunaan ayat "deliver the goods" yang salah digunakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Damansara, UDA telahpun menghasilkan kejayaan yang boleh dibanggakan. Banyak lagi tempat-tempat perniagaan dan termasuk perumahan akan diadakan oleh UDA di dalam masa yang akan datang ini dan kebanyakannya akan didirikan di

bandar-bandar yang kecil seperti mana yang disyorkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara.

Kerajaan yakin bahawa UDA akan boleh memberikan sumbangan yang besar terhadap matlamat nasional bagi mewujudkan penyertaan 30% bumiputra di dalam bidang perniagaan dan perusahaan dalam masa 20 tahun. Memandang kepada kejayaan UDA sehingga hari ini, maka saya tidak faham apakah maksud kata-kata "deliver the goods" seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Damansara.

Berkenaan dengan pandangan Ahli Yang Berhormat itu mengenai dua projek UDA di Jalan Pudu, saya rasa sebagai seorang arkitek yang bukan tidak aktif, beliau sepatutnya sedar dan mengetahui bahawa kedua-dua projek yang disebutkan itu tidaklah memakan masa yang lebih lama dari apa yang diperlukan untuk membina projek-projek yang lain yang sama besar dan sulitnya yang terdapat di kawasan Kuala Lumpur ini.

Berkenaan dengan syornya untuk menubuhkan sebuah Jawatankuasa Parlimen yang terdiri dari semua parti untuk mengawasi atau menjadi watch-dog kepada projek-projek UDA, saya telah menyatakan semalam bahawa syor ini mempunyai motif-motif yang tidak ikhlas. Menteri yang bertanggungjawab terhadap UDA ialah tidak lain dari Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sendiri dan kedua-duanya mengetahui sejelajelasnya kegiatan-kegiatan UDA. Kerajaan tidak memerlukan sebuah Jawatankuasa Parlimen untuk UDA. Rekod ada menunjukkan bahawa Ahli Yang Berhormat dari Damansara itu telah dengan sendirinya menjadi seorang watch-dog dalam Dewan ini, tetapi diharapkan beliau menjadi watch-dog yang tidak mengejar untuk dapat peluang menjadi arkitek kepada mana-mana projek UDA yang banyak itu.

Syor yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat itu untuk menubuhkan sebuah arbitration tribunal untuk memeriksa dan memerhatikan tindakan-tindakan UDA bagi mendapatkan tanah tidak dapat diterima. Perlu dinyatakan UDA sehingga hari ini belum lagi mengambil harta-harta swasta secara paksa. UDA telah membeli beberapa

keping tanah dari tuan-tuan tanah yang benar-benar ingin menjualkan tanah-tanah mereka dengan harga pasaran yang menasabah dan bersesuaian.

Kerajaan ingin menekankan sekali lagi bahawa ia tidak akan menjalankan suatu dasar untuk merampas harta dari sesuatu pihak semata-mata untuk memberikan kepada satu pihak yang lain.

Berhubung dengan soal mengenai usaha-usaha bersama antara UDA dengan pemilik-pemilik tanah serta pembina-pembina swasta, semua usaha-usaha bersama ini adalah bergantung kepada beberapa perkara seperti tanah, kewangan, pengalaman cara pelaksanaan dan yang penting sekali ialah perasaan saling mempercayai (goodwill) antara pihak-pihak yang berkenaan. Di dalam tiap-tiap usaha bersama ini tanah swasta adalah soal yang penting dan tanah ini biasanya terletak di kawasan-kawasan yang dianggap oleh Kerajaan sebagai sesuai dan seharusnya dimajukan untuk faedah-faedah semua golongan masyarakat dan bukan untuk suatu golongan sahaja.

UDA minta penyertaan yang paling rendah sebanyak 30% dan yang paling tinggi antara 50-70%. Pada keseluruhannya UDA telah berjaya untuk mendapatkan penyertaan dalam usaha-usaha bersama sebanyak lebih kurang 40%. Walaupun penyertaan ini telah mencapai tingkat yang tersebut tadi, penyertaan UDA dalam usaha-usaha bersama ini adalah juga terikat kepada perjanjian-perjanjian untuk menentukan kepentingan-kepentingan UDA serta kepentingan-kepentingan awam dan yang berkenaan adalah terkawal. UDA sentiasa berhati-hati dan mengawasi apabila mencari perkongsian untuk bergabung dalam usaha-usaha bersama. Saya memberi perakuan di dalam Dewan ini bahawa UDA tidak akan bersama-sama dengan sesiapa petualang ataupun opportunist sekalipun.

Berkenaan dengan syor yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor supaya UDA membeli bahan-bahan bangunan dan mengambil buruh-buruh kontrak untuk projek-projeknya, syor ini akan dikaji dengan lebih dalam lagi dan sekiranya didapati bersesuaian, maka syor ini akan dilaksanakan.

Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka ada menyebutkan tentang 2 juta orang akan berpindah ke bandar-bandar sehingga tahun 1975. Apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka itu tidak ada hubungan dengan soal usaha Kerajaan untuk mengadakan 600,000 kerja-kerja di bawah Rancangan Malaysia Kedua di kawasan-kawasan bandar. Bukan semua 2 juta orang itu akan berpindah ke bandar-bandar yang sedia ada dan mencari kerja-kerja di bandar-bandar yang sedia ada itu.

Perpindahan itu termasuk dengan sepenuhnya perpindahan ke kawasan-kawasan pembangunan baru atau new growth centres di mana bandar baru akan dibuka dan di mana peluang-peluang pekerjaan akan sedia ada dan ini yang dikatakan new urban centre. Jadi tidaklah benar jika dikatakan yang perpindahan itu akan menambahkan kemiskinan dan pengangguran di bandar-bandar. Apa yang disebut dalam Kajian Semula Rancangan Malaysia Kedua ialah memusatkan tentang pembukaan bandar-bandar baru dan perpindahan ke bandar-bandar baru itu.

Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka itu membaca Kajian Semula Rancangan Malaysia Kedua itu secara songsang dan out of context. Jadi soal mengeluarkan kertas putih tentang hal ini tidak timbul sama sekali.

Saya beralih sekarang kepada pandangan-pandangan yang disebutkan tentang LPN. Saya suka mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kubang Pasu Barat yang telah menyatakan sokongan penuh kepada LPN dan kepada masa depan LPN untuk menjaga keadaan beras dalam negara ini, dan saya percaya perasaan Ahli Yang Berhormat itu disertai oleh seluruh rakyat jelata, insya Allah bila mana LPN mempunyai integrated complexnya dengan sepenuh bilangannya iaitu 22 kompleks semuanya daripada tahun 1974 dan sekarang ini ada 13 kompleks dan 3 kompleks lagi pada tahun 1975 maka LPN akan dapat menjadi pembekal beras tempatan yang lebih besar kepada rakyat.

Ahli Yang Berhormat dari Damansara ada mengesyorkan supaya beras yang dijual oleh swasta diperiksa, ditimbang dan diseal oleh LPN. Pihak LPN akan mengkaji kemungkinan ini kelak.

Ahli Yang Berhormat dari Pulau Pinang Utara ada menyatakan bahawa pegawai-pegawai LPN tidak mempunyai kuasa menahan pemindahan beras dari Negeri Kedah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu bahawa kuasa untuk menahan pemindahan beras oleh pegawai-pegawai LPN di negeri Kedah terkandung dalam Peraturan-peraturan P.U. (A) 228, bertarikh 29-8-73.

Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka telah membuat tuduhan bahawa LPN tidak dapat mengatasi masalah kekurangan beras dan kenaikan harga beras. Yang sebenarnya sebagaimana yang telah diterangkan berkali-kali dalam Dewan ini tidak ada kawasan di Malaysia ini yang kekurangan beras. Tetapi LPN sedar tentang kesukaran untuk mendapatkan beras tempatan jenis murah dari pihak swasta. Dan sekiranya ada kekurangan beras di mana-mana daerah pun, LPN segera akan menampungnya.

Ahli Yang Berhormat dari Batu telah merujuk kepada satu berita dalam *Straits Times* keluaran hari semalam iaitu kononnya Jabatan Perkhidmatan Awam telah mengarahkan Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan Kerajaan mendapatkan kembali wang lebih dari \$1 juta daripada kerani-kerani, jurutaip-jurutaip dan mesin operator sementara yang mereka telah menerima dalam masa 4 tahun yang lepas. Berita *Straits Times* itu tidak benar dan Jabatan Perkhidmatan Awam tidak pernah mengeluarkan surat pekeliling meminta Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan berkenaan mengutip balik wang tersebut. Bagaimanapun Jabatan Perkhidmatan Awam sedang meniyasat perkara itu.

Ahli Yang Berhormat dari Batu juga telah menyentuh tentang pencen kepada hakim-hakim. Ahli Yang Berhormat itu meminta supaya ditimbang diberi bagi membolehkan hakim-hakim mendapat pencen penuh tidak kira berapa lama perkhidmatan mereka. Pencen hakim-hakim adalah dibayar di bawah Judges' (Remuneration) Act, 1971 dan di bawah Akta tersebut seorang hakim yang telah berkhidmat selama 15 tahun layak menerima pencen yang penuh memandangkan bahawa seorang hakim itu boleh bekerja hingga umur 65 tahun dan oleh yang demikian jika seorang itu dilantik menjadi hakim waktu umurnya

50 tahun maka ia akan dapat pencen yang penuh. Lazimnya seorang itu dilantik menjadi hakim sebelum mencapai umur 50 tahun.

Ahli Yang Berhormat dari Batu juga telah mencadangkan supaya Pegawai-pegawai Biro Siasatan Negara dihantar ke luar negeri untuk mendapat latihan khusus berkenaan dengan tugas mereka. Adalah menjadi tujuan Biro Siasatan Negara hendak menghantar seberapa banyak yang boleh pegawai-pegawainya untuk menghadiri latihan-latihan yang tertentu di luar negeri. Setakat ini beberapa orang pegawai telah dihantar untuk berlatih di FBI di Amerika dan juga di Britain dan seorang telah dihantar mengikuti kursus berkaitan dengan narkotik ke Switzerland.

Ahli Yang Berhormat dari Dungun telah menyatakan bakal-bakal pemohon untuk jawatan Kerajaan terpaksa membeli borang-borang untuk memohon kerja. Ini sepatutnya tidak harus berlaku sebab bakal-bakal pemohon itu boleh mendapat borang tersebut dengan percuma daripada Pejabat-pejabat Daerah, Pejabat Setiausaha Kerajaan, Pejabat Perkhidmatan Awam Negeri-negeri atau dengan menulis meminta borang tersebut kepada Pejabat Setiausaha Perkhidmatan Awam di Kuala Lumpur. Pihak Pejabat Perkhidmatan Awam telah mencetak sebanyak 500,000 helai borang permohonan itu pada tahun 1972 dan bakinya lagi 100,000 dan pada tahun ini telah mencetak sebanyak 700,000 helai borang.

Sekarang saya beralih kepada teguran-teguran yang dibuat kepada Suruhanjaya Pilihanraya. Ahli Yang Berhormat dari Kubang Pasu Barat berkehendakkan supaya Penolong-penolong Pegawai-pegawai Pendaftaran dipilih daripada orang-orang yang sebenar-benarnya dapat menjalankan urusan-urusan itu. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu bilangan Penolong Pegawai Pendaftaran bagi Suruhanjaya Pilihanraya pada masa tahun 1973 ialah 4,512 orang iaitu lebih banyak daripada bilangan yang ada berkhidmat dengan Suruhanjaya Pilihanraya pada tahun lepas yang hanya 4,342 orang sahaja. Pada tahun ini Suruhanjaya Pilihanraya memberi keutamaan untuk mengambil Penolong-penolong Pegawai Pendaftaran ini daripada golongan belia-belia.

Ahli Yang Berhormat dari Ipoh telah bersungut tentang penduduk-penduduk di kawasan Buntong di Ipoh tidak didaftarkan penduduk-penduduknya. Perkara ini akan diambil perhatian.

Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka telah meminta supaya Suruhanjaya Pilihanraya memanjangkan tempoh pendaftaran pengundi-pengundi daripada tempoh sebulan dan beliau telah menyatakan bahawa beliau telah meminta pada tahun ini dengan satu kawat supaya tempoh yang telah ditetapkan pada tahun ini dilanjutkan lebih daripada 30 hari. Yang sebenarnya setelah ditimbang oleh pihak Suruhanjaya Pilihanraya didapati tidak ada sebab kenapa tempoh 30 hari tidak mencukupi dan pendaftaran tahun 1973 bukanlah pendaftaran baru, tetapi pendaftaran ulangan seperti tahun-tahun yang sudah oleh kerana setakat ini banyak negeri telah menunjukkan lebih kejayaan dalam pendaftaran pengundi-pengundi baru maka Suruhanjaya Pilihanraya berpuashati tempoh yang telah diberi itu adalah cukup. Suruhanjaya Pilihanraya juga yakin kemajuan tahun ini akan lebih dari tahun-tahun yang lampau kerana tidak kurang daripada 400,000 borang telah diterima berbanding dengan hanya 3,600 borang diterima balik dalam tahun 1972.

Saya suka menjelaskan di sini bahawa satu kerja besar yang sedang dilakukan oleh Suruhanjaya Pilihanraya pada masa ini ialah membersihkan daftar pengundi daripada pengundi-pengundi yang mendaftar berganda, seorang pengundi itu mendaftar dirinya dua kali pada dua tempat atau lebih daripada tempat mengundi. Ini adalah satu kesalahan dan satu penipuan. Di dapati seramai 244,403 atau  $\frac{3}{4}$  juta orang atau  $\frac{1}{4}$  pengundi telah mendaftar dua kali dan kebanyakan di kawasan-kawasan pilihanraya di bandar-bandar. Sebagai contohnya di kawasan pilihanraya Bangsar ada 7,894 pengundi-pengundi yang mendaftar dua kali. Bukit Bintang 5,303 orang. Damansara 4,135 orang. Batu 3,819 orang, dan Larut Selatan meliputi Bandar Taiping 3,197 orang. Nama-nama pengundi yang berganda ini sedang diambil tindakan memotongnya dan jika cukup keterangan, tindakan undang-undang akan diambil terhadap orang-orang yang berkenaan. Pihak polis telah dihubungi oleh pihak Suruhanjaya Pilihanraya mengenai perkara ini.

Ahli Yang Berhormat dari Damansara telah bersngut bahawa kajian-kajian feasibility memakan belanja yang banyak.

Tetapi sebenarnya kajian-kajian feasibility dijalankan untuk jalan-jalan di Kuala Lumpur dan lain-lain tempat adalah projek yang kebanyakannya memakan belanja berpuluh-puluh juta ringgit, dan sebelum perbelanjaan-perbelanjaan yang sebegitu banyak dibuat tentulah mustahak Kerajaan menentukan yang suatu projek itu viable atau boleh dimajukan daripada beberapa segi. Kajian-kajian feasibility itu adalah penting untuk menentukan yang perbelanjaan-perbelanjaan yang kerajaan dibuat dengan tidak melibatkan kerugian-kerugian kepada rakyat.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor menegur supaya Kerajaan sepatutnya menggunakan consultant atau Pakar-pakar perunding tempatan dalam menjalankan kajian-kajian feasibility itu. Yang sebenarnya, memanglah menjadi dasar Kerajaan untuk mengutamakan syarikat-syarikat atau firma-firma perunding tempatan dalam kajian-kajian yang dijalankan hanya apabila didapati tidak ada firma-firma tempatan yang layak sahaja, maka firma-firma antarabangsa digunakan. Apabila firma-firma antarabangsa digunakan kadang-kadang ada syarat dibuat supaya seboleh-bolehnya penyertaan pakar-pakar tempatan digunakan. Pada masa ini masih kurang firma-firma perunding tempatan yang ada kebolehan-kebolehan untuk membuat kajian-kajian yang besar-besarnya sungguhpun begitu beberapa firma-firma tempatan telah pun ditubuhkan dan adalah menjadi dasar Kerajaan untuk mengutamakan penggunaan-penggunaan pakar-pakar perunding tempatan.

Ahli dari Seremban Barat menimbulkan tentang kebebasan Ugama. Apa yang ditimbulkan oleh Ahli dari Seremban Barat itu tentang tidak menyentuh kebebasan beragama adalah tidak benar. Cadangan undang-undang yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat itu telah difahamkan dengan cara yang salah sama sekali. Cadangan Undang-undang itu sebenarnya ialah bertujuan meninggikan moral di kalangan masyarakat dan di kalangan pemeluk-pemeluk semua Ugama dan tidak ada kena-mengena dengan kebebasan beragama sama sekali. Cadangan Undang-undang yang diura-urakan itu ialah mengenai orang yang berseke-

dudukan tanpa nikah atau yang melakukan cohabitation sahaja—saya tekankan sekali lagi cohabitation semata-mata. Deraf Undang-undang ini akan dikaji sehalus-halusnya terlebih dahulu dan setelah dikaji akan dibawa ke Parlimen untuk pertimbangan Ahli-ahli Parlimen seluruhnya dan Ahli-ahli Parlimen akan berpeluang membincangkannya dengan sepenuh-penuhnya jika dan bila dibawa kelak.

Ahli dari Dungun mencadangkan supaya buku-buku Ugama dihantar kepada Pelajar Islam di luar negeri. Pihak Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Ugama Islam akan cuba menghantar buku-buku yang dikeluarkannya pada bila-bila masa kepada pelajar-pelajar itu. Pada masa ini Pusat Penyelidikan Islam mempunyai rancangan besar untuk mengeluarkan buku-buku dan risalah-risalah Islam pada tahun hadapan.

Ahli dari Muar Utara mengutarakan pandangan bahawa kononnya orangramai memahamkan Allah berpusing di Stadium Merdeka kerana perkataan Allah dipuncak astaka Pertandingan Membaca Al-Quran di Stadium Merdeka itu berpusing secara automatik. Ini adalah satu pandangan yang salah. Adakah bererti jika Ahli Yang Berhormat itu menggantung perkataan Allah di dinding rumahnya, maka Allah tergantung pula di dinding rumahnya itu. Perkataan Allah di puncak astaka Pertandingan Al-Quran itu adalah sebenarnya untuk melambangkan kebesaran Allah. Nampaknya pengertian Ahli Yang Berhormat dalam perkara ini ada sedikit berpusing.

Ahli dari Dungun dan Ahli dari Seremban Barat ada menimbulkan soal Perancang Keluarga. Sebenarnya usaha Perancang Keluarga berjalan dengan baik dan telah memberikan kesan yang baik dari segi kesihatan dan dalam mencapai tujuan-tujuan rancangan Perancang Keluarga itu dijalankan. Kadar pertumbuhan penduduk Malaysia sekarang telah mencapai 2.8% dan bukannya lagi 3% lebih sebagaimana pada masa-masa yang lepas. Lembaga Perancang Keluarga telah menjalankan penerangannya dengan seberapa luas dan tidaklah benar tuduhan mengatakan Lembaga Perancang Keluarga tidak menjalankan penerangannya. Berbagai-bagai cara dijalankan dan Lembaga Perancang Keluarga ada mempunyai Pegawai-pegawai Penerangan yang bertugas sepenuh masa.

Ahli dari Batu ada menimbulkan tentang I.G.C. Pada masa ini sebenarnya ada sebuah Jawatankuasa Pegawai-pegawai menyemak Laporan I.G.C. itu bagi maksud penyemakan bersama dengan pihak Sabah dan Sarawak akan keseluruhan Laporan I.G.C. itu dan dalam penyemakan bersama itu tentulah kelak akan meliputi perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Ahli dari Tanjung Malim ada meminta supaya Mahkamah baharu didirikan di Tanjung Malim, yang sebenarnya Mahkamah baharu di Tanjung Malim itu telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Kedua. Kerajaan sekarang ini sedang menguruskan untuk mendapatkan tapak tanah yang sesuai untuk projek ini dengan Pejabat Tanah Tanjung Malim dan Slim River.

Akhirnya, Tuan Pengerusi, saya suka hendak menerangkan kekeliruan yang telah ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Batu tentang kononnya tidak ada peruntukan Kampung-kampung Baharu dalam Belanjawan pada tahun ini. Beliau telah mendakwa mengatakan beliau telah menyiasat Buku Belanjawan dan tidak mendapati mana-mana peruntukan diuntukkan untuk kampung-kampung baharu.

Saya suka menarik perhatian Ahli Yang Berhormat dari Batu itu kepada Kertas Perintah 32 Tahun 1973 di muka surat 344 di bawah P. 42 di mana ada peruntukan sebanyak \$3 juta—Pemberian untuk Projek-projek dalam Kampung-kampung Baru.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$4,980,000 untuk Kepala B. 1; \$147,443 untuk Kepala B. 2; \$5,103,000 untuk Kepala B. 3; \$2,441,480 untuk Kepala B. 4; \$1,730,046 untuk Kepala B. 5; \$117,675 untuk Kepala B. 6; \$23,776,630 untuk Kepala B. 7; \$49,220,000 untuk Kepala B. 8; \$7,768,000 untuk Kepala B. 9; \$9,364,320 untuk Kepala B. 10; \$357,275 untuk Kepala B. 11 dan \$1,094,280 untuk Kepala B. 13; diperintah jadi sebahagian daripada Jadual dan \$150,216,360 untuk Kepala P. 7; \$32,650,670 dan \$1,568,030 untuk Kepala P. 9 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1974.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

4.00 ptg.

Kepala B. 12—

**Menteri Perpaduan Negara (Tun V. T. Sambanthan):** Tuan Pengerusi, saya memohon supaya belanjawan bagi Kementerian Perpaduan Negara untuk tahun 1974 di bawah Kepala B. 12 yang berjumlah \$4,000,000 diluluskan.

Tuan Pengerusi, pada hari ini Kementerian Perpaduan Negara berusia hampir dua tahun. Sungguhpun tugas untuk memupuk Perpaduan Negara bukanlah hakmutlak Kementerian saya sahaja tetapi penubuhannya adalah bermaksud untuk memastikan bahawa usaha-usaha Kerajaan untuk memupuk muhibbah dan perpaduan melalui rancangan-rancangan dan program-program seperti yang ditentukan dalam Rancangan Malaysia Kedua itu dilaksanakan sejajar dengan Rukunegara. Sebagai sebuah agensi perancangan dan penyelarasan mengenai perkara-perkara berhubung dengan Perpaduan Negara, Kementerian saya bekerjasama rapat dengan Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan Kerajaan yang lain untuk mencapai Matlamat-matlamatnya. Saya berharap banyak lagi aktiviti bersama dan kemajuan akan tercapai dalam tahun 1974. Peruntukan berjumlah \$4,000,000 adalah dikehendaki supaya membolehkan Kementerian saya menjalankan tugasnya dan untuk melaksanakan cadangan-cadangan yang telah direncana bagi tahun 1974.

Saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat akan mengakui bahawa proses untuk mewujudkan sebuah negara yang bersatu padu adalah sangat rumit dan ianya adalah sesuatu yang tidak boleh dicapai dalam masa yang singkat. Apa yang kita boleh harap membuat dan mencapai di peringkat ini ialah untuk menyediakan rakyat dari semua kaum di negeri ini memahami dan menyedari kehendak masing-masing dan cita-cita murni mereka dalam konteks ekonomi baru, pelajaran dan dasar-dasar sosial oleh kerana dengan adanya persefahaman maka ter-kembanglah semangat bertolak-ansur dan kesanggupan untuk menerima satu sama lain dengan semangat muhibbah dan keharmonian.

Tugas untuk memupuk persefahaman ini sedang diusahakan oleh Bahagian Perhubungan Masyarakat di Kementerian saya bersama-sama dengan Kerajaan-kerajaan Negeri dan juga agensi-agensi Kerajaan yang lain. Satu daripada aktiviti-aktivitinya yang besar pada masa ini ialah program Kelas Perpaduan Rakyat. Pada tahun 1973 terdapat 2,259 buah kelas dengan bilangan pelajar berjumlah lebih kurang 59,905. Pada tahun 1974 adalah dicadangkan untuk menambah kelas-kelas ini sehingga 3,500 buah dengan bilangan pelajar yang dijangka berjumlah 87,000.

Selain dari mengajar Bahasa Malaysia, pelajar-pelajar ini juga diberi pelajaran Kewarganegaraan. Untuk memastikan supaya Kementerian ini mencapai objektivnya, guru-guru Kelas Perpaduan mengahiri kursus pengajaran yang sentiasa diadakan oleh Kementerian saya. Pegawai-pegawai Kementerian juga sentiasa memastikan bahawa kelas-kelas ini berjalan dengan teratur dengan membuat lawatan.

Pada masa-masa yang lampau Kelas-kelas ini dimaksudkan untuk orang-orang bukan Melayu, tetapi sekarang orang-orang Melayu digalak untuk mengahdirinya supaya terdapat tukar-penukaran fikiran dan pengalaman di antara berbagai kaum. Di sini harus ditegaskan bahawa sungguhpun mereka saling mempengaruhi di antara mereka di bilik darjah tetapi sebenarnya mereka merupakan sebagai sebahagian dari sebuah masyarakat yang lebih luas dan oleh itu Kelas ini mungkin boleh menjadi pentas yang amat berguna bagi memupuk muhibbah dan perpaduan di antara berbagai kaum. Dengan tujuan yang lebih luas ini, Kementerian saya telah pun mengadakan Pesta Kelas Perpaduan Rakyat di Morib pada bulan Ogos tahun ini. Di Pesta tersebut peserta-peserta telah digalak untuk menyertai bersama dalam aktiviti-aktiviti masyarakat bersama-sama dengan masyarakat tempatan. Program ini telah membuktikan kecapaian kejayaan yang cemerlang dan satu program seumpama itu akan diadakan pada tahun 1974 dengan beberapa perubahan.

Program Bahasa Kita yang disiarkan oleh T.V. Malaysia adalah satu lagi cabang Kelas Perpaduan Rakyat yang mengadakan Pelajaran Bahasa Malaysia mengandungi unsur-unsur pelajaran kewarganegaraan kepada

penuntun-penuntun yang lebih luas. Kuiz Perpaduan juga adalah satu lagi program tambahan yang mencuba menarik minat orang ramai mengenai kegunaan Bahasa Malaysia dan pengetahuan mengenai negeri mereka sendiri dan kebudayaannya. Pada tahun ini, buat kali yang pertamanya program tersebut akan mengandungi unsur-unsur kebudayaan yang akan dipertunjukkan oleh pelajar-pelajar dari berbagai kaum.

Selain daripada aktiviti-aktiviti ini, Bahagian ini juga berharap akan melaksanakan program-program perhubungan masyarakat pada tahun 1974 dengan bertujuan untuk memupuk secara positif perhubungan masyarakat di negeri ini. Program tersebut juga berharap akan memupuk perhubungan di antara masyarakat dengan pihak-pihak yang berkuasa ataupun Kerajaan berasaskan kepada saling kepercayaan dan keyakinan. Butir-butir lanjut rancangan ini telah pun disediakan dan dalam peringkat pertimbangan pelaksanaan. Ianya akan diumumkan kemudian.

Sementara Bahagian Perhubungan Masyarakat menumpukan usahanya kepada aspek-aspek yang lebih praktik mengenai perhubungan kaum dan masyarakat, Bahagian Penyelidikan pula menjalankan penyelidikan yang bercorak "policy-oriented" mengenai perhubungan kaum dan masalah-masalah yang bercorak socio-ekonomi yang berkaitan dengan perpaduan negara. Bahagian ini telah melaksanakan berbagai projek penyelidikan setengah daripadanya kajian-kajian mengenai kampung-kampung Baru di Perak, Selangor dan Melaka—kajian Kaum Nelayan di Trengganu. Kajian-kajian mengenai isi-isi buku teks yang digunakan di sekolah-sekolah, kajian dalam konteks untuk memupuk persefahaman antara kaum dan pembinaan negara; kajian mengenai corak pimpinan di luar bandar yang akan dibandingkan kemudian dengan susunan pimpinan di bandar; satu kajian mengenai perhubungan antara tiga kaum setingan yang berlainan.

Dalam tahun 1974 Bahagian ini bercadang hendak menjalankan kajian-kajian berkaitan dengan Peninjauan atas Belia terhadap negara dan pembangunannya; Masalah Penyatuan perhubungan kaum diantara dua kaum yang berlainan dan yang berjiran dan satu Kajian mengenai Kepercayaan Politik yang sesuai diantara berbagai kaum di Malaysia.

Bahagian Penyelidikan juga mengadakan majlis-majlis dialog pada semasa ke semasa dengan kumpulan-kumpulan tertentu untuk mengetahui buah fikiran dan memahami sikap orang ramai terhadap aspek-aspek yang tertentu mengenai dasar-dasar dan rancangan rancangan Kerajaan. Kumpulan-kumpulan terdiri daripada mereka dibidang iktisas, pengusaha-pengusaha, wakil-wakil pelajar dan mereka yang lain mewakili berbagai lapisan masyarakat. Di majlis-majlis dialog ini peserta-peserta adalah bebas untuk membincang perkara-perkara berkaitan dengan masaalah-masaalah Perpaduan Negara. Mereka juga boleh mengemukakan cadangan-cadangan yang rakyat ingin Kerajaan menimbangkannya.

Dalam usaha kita untuk menyampaikan utusan muhibbah ke seluruh negeri, Kementerian saya menerbitkan "Balai Muhibbah" yang dikeluarkan dua minggu sekali. Penerbitan itu sebanyak 20,000 naskah, sampai ke Kampung-kampung, ladang-ladang dan ke Kampung-kampung baru dan ianya juga merupakan satu bahan bacaan tambahan untuk Kelas-kelas Perpaduan.

Tuan Pengerusi, saya telah pun menjelaskan dengan panjang lebar mengenai objektif dan tugas-tugas Kementerian saya. Saya juga telah menyentuh kepada cadangan-cadangan utama Kementerian saya bagi tahun 1974 dan berkehendakkan peruntukan berjumlah \$4,000,000 itu ialah untuk membolehkan Kementerian saya menjalankan tugas dan programnya.

Saya mohon supaya Jawatankuasa ini meluluskan anggaran belanjawan yang dicadangkan untuk Kementerian Perpaduan Negara yang berjumlah \$4,000,000.

4.05 ptg.

**Tuan Lim Kit Siang (Bandar Melaka):** Tuan Pengerusi, saya bangun untuk memberi sedikit pandangan mengenai Anggaran ini dan saya minta izin berucap dalam bahasa Inggeris.

Tujuan Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memupuk dan mengukuhkan perpaduan di kalangan rakyat Malaysia yang berbilang kaum.

(*Dengan izin*) National unity is the overriding objective of the Second Malaysia Plan and the New Economic Policy, and if

this is so, then the Ministry of National Unity should be one of the most important Ministries in the country.

Sad to say, however, the Ministry of National Unity instead of being a high-powered Ministry, is at present one of the most inconsequential Ministries in the country.

I seriously suggest that the importance of the Ministry of National Unity should be upgraded, so that it can make positive contribution to the promotion of national unity in the country. The Ministry of National Unity must be the centrepiece of all Governmental activities, subjecting to critical examination every Government action, whether Federal or State to ensure that they help to unite, and not to divide the people.

I would commend to the consideration of the Minister for National Unity and the Prime Minister a proposal that the Government should establish a National Unity Commission which could receive and hear complaints against Government policies and measures which impede national unity, and make public its findings and recommendations. Such a Commission would be able to give substance to the professed desire on the part of the Government to subordinate all Government policies to the overriding objective of national unity.

The Ministry of National Unity should also review every law or proposed legislation from the angle of national unity, and the fostering of greater integration among the diverse peoples and races. National unity and integration of the people is not only among the various races but also among the various States. National unity is a subject which is national in scope and, in this connection, I am glad that yesterday at Question Time, in reply to my question, the Minister of National Unity has promised to refer to the Prime Minister the announcement that has been made by the Sabah Chief Minister that with effect from 1st January, 1974, Radio Sabah would ban all Kadazan and Chinese language programmes. This, I submit, is against the spirit of the Rukunegara and the declared commitment of the Alliance to build a liberal society, and I hope that with the intervention of the Ministry of National Unity and the Prime Minister, Radio Sabah would continue to broadcast Kadazan and Chinese language

radio programmes, in keeping with Malaysia's multi-racial, multi-cultural and multi-lingual make-up.

The Ministry of National Unity services the National Unity of Advisory Council. For more than a year, the National Advisory Council has not met. Although it has three sub-committees, these sub-committees have not met for over six months.

It is clear that the National Unity Advisory Council has become an anachronism, a meaningless institution, which has failed to perform any useful role whatsoever.

The DAP calls for the abolition of the National Unity Advisory Council and the restoration to Members of Parliament the traditional privilege of parliamentary immunity, so that the basic issues of national unity of the people of Malaysia can be fully and exhaustively taken up by elected representatives of the people in the Dewan Rakyat.

4.12 ptg.

**Raja Nong Chik bin Raja Ishak (Kuala Selangor):** Tuan Pengerusi, saya adalah menyokong penuh di atas Perbelanjaan untuk Kementerian Perpaduan Negara dan perbelanjaan ini saya pandang tersangat perlu dan saya sokong dengan sepenuhnya.

Saya sokong Kementerian ini oleh kerana saya pandang perpaduan negara adalah penting daripada lain-lain Kementerian. Jika negeri kita kacau-bilau kerana rakyatnya tidak mengerti antara satu dengan lain, maka segala-gala yang kita buat akan jahanam. Dengan sebab itu, saya pandang Kementerian Perpaduan Negara adalah penting dan hendaklah rakyatnya diberi kenyataan-kenyataan yang benar terutama sekali di dalam Pecahan-kepala 2600—B. 12 iaitu Perkhidmatan Pencetakan.

Kementerian ini mestilah membuat pencetakan-pencetakan supaya diedarkan kepada semua bangsa baikpun di dalam new villages, di kampung ataupun di estate, menerangkan iaitu asal usul negeri ini, menerangkan dengan terang dan nyata tidak disuruk-surukkan iaitu Malaysia ini ada mempunyai tawarikhnya sendiri, mempunyai Raja-raja dan mempunyai warganegaranya sendiri dan siapakah warganegara itu. Dan

juga mesti diterangkan dengan sedalam-dalamnya iaitu bahasa-bahasa di dalam negeri ini. Tidaklah disekat-sekat orang memakai bahasa-bahasa yang lain melainkan Bahasa Kebangsaan adalah dipakai di pejabat-pejabat dan juga di tempat-tempat yang perlu, jangan disalah-fahamkan oleh bangsa-bangsa asing jikalau Bahasa Kebangsaan sudah dipakai di negeri ini bahasa asing akan luput. Tetapi yang sebenarnya ini adalah diterangkan oleh orang-orang untuk menghasut orang lain supaya kacau bilau bahasa-bahasa asing akan luput kalau Bahasa Kebangsaan kita dipakai. Ini adalah tidak benar dan mestilah diterangkan dengan sebenar-benarnya. Sesiapa juga yang hendak menuntut undi di atas perkara bahasa dan sebagainya orang-orang ini mestilah ditengok baik-baik.

Berkenaan dengan adat-resam satu-satu bangsa, satu-satu kaum di negeri ini mistilah diterangkan kepada orang-orang di new village, mereka itu belum pandai lagi berbahasa Melayu, mereka dengan bahasa Cina, jikalau dicetak dalam bahasa Cina, buat buku dalam bahasa Cina mereka itu boleh mengerti adat resam orang-orang Melayu. Orang-orang di kampung-kampung pula tahu adat resam orang-orang Cina; orang Cina di pekan samada di new village ataupun orang India di dalam estate-estate dan juga mistilah diterangkan kepada mereka iaitu culture mereka, culture bangsa negeri ini tidak jahanam. Seperti yang dikatakan oleh pihak-pihak Pembangkang yang cultures negeri ini dibasekan foundationnya adalah culture orang Melayu, tetapi culture orang India, culture orang Cina dicampurkan, jadi culture orang Malaysia, sebab kita duduk dalam Malaysia. Kita bukan duduk di negeri Cina atau negeri India. Ini mestilah diterangkan dengan senyata-nyata jika seseorang itu betul-betul hendak menjadi rakyat negara ini dia mestilah jujur dan taat setia kepada Raja dan Negara.

Tuan Pengerusi, berhubung dengan masyarakat, Pecahan-kepala 4100—Pemberian, Subsidi dan Carum-carum. Ini juga saya hendak cadangkan di sini kepada Kementerian yang bertanggungjawab iaitu yang betul-betul berjaya ialah jamuan durian. Saya juga turut di sana dan di sini, juga-juga Menteri-menteri dipanggil untuk jamuan ini. Ini adalah cara perpaduan, tetapi saya fikir yang penting sekali ialah masyarakat di sebelah bawah. Masyarakat yang sebelah

bawah tidak mengerti apa dia perpaduan. Dengan sebab itu, saya cadangkan orang kampung kita yang difikirkan oleh orang-orang lain bahawa orang kampung kita sudah senang, sudah cukup selepas Merdeka. Jadi was-was hati bangsa asing kepada orang Melayu, katanya orang Melayu ini sudah senang selepas Merdeka 16 tahun, mereka ini barangkali tidak lagi makan sambal belacan, mereka ini telah makan daging sahaja tiap-tiap hari. Dengan sebab itu, saya hendaklah kalau dapat dibawa orang-orang kita, warganegara kita yang terdiri dari bangsa Cina, India daripada estate-estate bawa ke kampung yang jauh-jauh—riverine di Pahang sana. Jauh di kampung sana tunjukkan bagaimana keadaannya, biar dia duduk seminggu di situ dan bergaul dengan orang-orang Melayu, bagaimana kehidupan orang Melayu, jadi dia insaf. Oh! begini keadaan orang Melayu. Susah, orang Melayu ini sungguhpun negeri ini negeri Melayu asalnya, tetapi rupanya orang Melayu ini susah, satu hari satu kali sahaja makan. Jadi perasaannya tidak selalu menentang yang orang Melayu ini sudah kaya. Dengan sebab itu, saya harap kepada Kementerian yang bertanggungjawab begitu juga kepada orang Melayu barangkali berfikir orang Cina ini semuanya kaya belaka. Dengan sebab itu dibawa orang Melayu ke new village barangkali satu minggu dalam satu tahun sekali, jangan dibawa orang ini keluar negeri ke Eropah ditunjukkan keadaan di Eropah sana. Tunjukkanlah orang estate ini, tunjukkan di new village antara satu sama lain, ada perasaan dia, betul-betul kehidupan-kehidupannya bukan sepertimana ada orang mengatakan iaitu orang Cina semuanya kaya belaka, tidak ada yang papa. Begitu juga orang Melayu ini selepas Merdeka semuanya sudah berumah batu. Kalau kita tengok di kampung-kampung atap rumah orang Melayu pun bucur dan tidak dapat diperbaiki sampai sekarang.

Selain daripada itu, saya juga hendak mencadangkan di sini, iaitu berkenaan dengan elaun-elaun dan lain-lain habuan wang. Di sini kita dapati iaitu pada tahun 1973 diuntukkan sebanyak \$46,210 dan pada tahun 1974 anggarannya \$55,600. Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri kita telah menyatakan beberapa kali iaitu jikalau pegawai-pegawai Kerajaan hendak berjalan tak usahlah berjalan seorang. Kalau hendak ke satu-satu tempat biarlah beramai-ramai—satu

kereta pakai beramai-ramai supaya dapat diselamatkan perbelanjaan elaun kereta, elaun minyak dapat diekonomikan. Dengan sebab itu, saya harap Kementerian yang bertanggungjawab dapat menengok di atas perkara ini seboleh-bolehnya dipotong supaya inflasi negeri dapat dikurangkan, perbelanjaan ini bolehlah digunakan pada tempat-tempat yang lain.

4.18 ptg.

**Tuan Ahmad bin Haji Ithnin (Melaka Selatan):** Tuan Pengerusi, saya suka hendak mengambil bahagian dalam masalah peruntukan di bawah Kementerian Perpaduan Negara sebanyak \$4 juta untuk melaksanakan tugas-tugas berhubung dengan Kementerian tersebut.

Saya juga suka mengambil bahagian dalam Kepala B. 12, Pecahan-kepala 2800—Perkhidmatan Pelbagai sebanyak \$2,570,060 yang telah dianggarkan untuk Gerakan dan Pentadbiran, Penyelidikan dan Perhubungan Masyarakat.

Saya lebih dahulu mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Menteri Perpaduan Negara, rasa saya, amat penting diperluaskan kerana memandangkan beberapa segi dalam masalah menghadapi masalah masyarakat dan tujuan Kerajaan menyatupadukan dan seterusnya mencari satu teras kebudayaan nasional pada masa yang akan datang.

Tuan Pengerusi, saya suka juga menyentuh dalam masalah-masalah pentadbiran berhubung dengan Kementerian Perpaduan Negara ini. Saya berharap supaya Kementerian ini benar-benar mengadakan satu Jabatannya di tiap-tiap negeri di masa akan datang. Saya dapat tahu, di negeri-negeri Jabatan Kementerian ini adalah menumpang sahaja dengan Jabatan Kemajuan Masyarakat Negeri. Jadi kita mahu supaya Kementerian Perpaduan Negara mengadakan pejabatnya di negeri-negeri. Dengan itu baharulah bagi melaksanakan dasar perpaduan dan muhibbah ini dapat dijalankan dengan seluas-luasnya melalui peringkat negeri dan daerah di masa yang akan datang.

Tuan Pengerusi, saya suka juga menyentuh berhubung dengan Kuiz Perpaduan. Saya rasa ini sangatlah elok. Tetapi saya suka mengingatkan bahawa di masa yang akan

datang, jika sekiranya ada Kuiz Perpaduan yang dianjurkan oleh Kementerian Perpaduan Negara janganlah diadakan dalam bulan puasa kerana ini akan merunsing orang-orang Islam yang hendak menjalankan tugas atau hendak mencampuri dalam masaalah-masaalah ini kerana bulan itu adalah bulan yang mustahak kepada orang-orang Islam. Oleh itu diharap dapat ditukarkan dari tarikh yang ada sekarang, iaitu bulan yang mustahak kepada orang-orang Islam. Walau bagaimanapun Kuiz Perpaduan ini, rasa saya adalah berguna melalui Kementerian Perpaduan Negara.

Tuan Pengerusi, berhubung dengan Kelas Perpaduan Rakyat, saya mengharapkan supaya Kementerian ini mengkaji semula dalam masaalah-masaalah pelajaran dan juga pelaksanaan kelas ini hendaklah menitik-beratkan kebudayaan nasional melalui kelas ini kerana jika sekiranya kita memberi pelajaran sahaja, tetapi kelas ini tidak dititik-beratkan dalam masaalah perkembangan kebudayaan nasional kepada penduduk-penduduk ataupun rakyat seluruh negara ini, maka perkara ini akan tergantung. Mereka hanya boleh mempelajari bahasa kebangsaan sahaja kepada orang-orang yang bukan bumiputra tetapi Kebudayaan Nasional itu tidak dapat dilaksanakannya. Oleh itu saya mengharapkan dengan adanya Kelas Perpaduan Rakyat ini hendaklah dicantumkan dengan memperkenalkan Kebudayaan Nasional kita kepada seluruh rakyat di Kelas Perpaduan Rakyat yang ada di negara kita ini pada masa yang akan datang.

Selain daripada itu, saya harap dapat memberi siberan-siberan yang tertentu melalui risalah-risalah yang sebenarnya daripada Kementerian Perpaduan Negara melalui Kelas Perpaduan Rakyat yang ada di dalam negara kita. Jika sekiranya tidak dapat dibuat demikian, rasa saya kita tidak mahu kelas perpaduan rakyat dan Kementerian Perpaduan Negara cuma hanya boleh dikatakan macam Kementerian Melepaskan Batu di Tangga sahaja. Hendak ada sahaja, tetapi tidak ada mempunyai kajian dan tidak ada nilai yang betul-betul hendak memperkembangkan perpaduan keseluruhan rakyat dalam negeri kita ini. Saya harap dapat dibuat satu susunan yang teratur dengan mengadakan risalah-risalah yang tertentu supaya melalui kelas perpaduan rakyat ini dapat memperkembangkan bahasa

kebangsaan dan corak kebudayaan nasional kita dari semasa kesemasa pada masa yang akan datang.

Selain daripada itu, saya suka juga menarek perhatian di dalam peruntukan ini iaitu Kementerian Perpaduan Negara ada mengadakan Sukan Muhibbah Kanak-kanak. Ini amat baik. Saya berharap Menteri yang berkenaan pada tahun yang telah sudah dapat mengadakan 16 zon Sukan Muhibbah Kanak-kanak di dalam negeri Selangor, pada tahun akan datang supaya dapat memberi sedikit peruntukan sebagai galakan dengan mengadakan Sukan Muhibbah Kanak-kanak di Negeri Melaka pula. Ini dapat dicantumkan perhubungan antara anak-anak lagi. Setelah kita didik dan kita pimpin, kerana dalam Sukan Muhibbah ini adalah satu tali-nenalnya, menghubungkan rapat antara perasaan membawa kepada arah perpaduan rakyat seluruh negara kita menuju matlamat apa yang kita cita-cita itu.

Akhirnya saya suka menyokong tetapi diharap Kementerian yang berkenaan supaya dapat mengkaji dan menganalisa betul-betul perlaksanaannya supaya daripada Kementerian, Negeri dan seluruhnya ke daerah-daerah. Satu lagi yang saya rasa perlu juga Kementerian ini mengambil perhatian iaitu pertukaran anak angkat. Rasa saya perlu Kementerian ini mengambil satu perhatian iaitu pertukaran anak angkat antara satu bangsa dengan bangsa yang lain diberi juga galakan dan diberi bantuan-bantuan yang agak boleh menarik supaya rancangan pertukaran anak angkat melalui muhibbah dan perpaduan negara ini dapat diperluaskan di masa akan datang.

4.27 ptg.

**Tuan Abu Bakar bin Umar (Kubang Pasu Barat):** Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyokong perbelanjaan yang diperuntukkan kepada Kementerian Perpaduan Negara sebanyak \$4 juta oleh kerana saya memikirkan Kementerian Perpaduan Negara ini adalah satu Kementerian yang amat penting sekali di dalam pembangunan negara dan pembangunan masyarakat di dalam negeri kita ini, lebih-lebih lagi negeri yang mempunyai penduduk-penduduk yang berlainan bangsa berlainan agama, berlainan cakap dan berlainan bahasa. Kementerian ini adalah amat mustahak dan penting oleh kerana jika sekiranya perpaduan negara ini tidak dapat

dijayakan maka akan habislah segala usaha-usaha kita di dalam membangunkan negara sebagaimana yang saya pernah katakan di dalam Dewan ini kalau kita dapat membina satu bangsa yang kaya-raja dan pandai serta bijak, tetapi jika perpaduan tidak dapat dikekalkan di antara penduduk-penduduk negeri ini, akan hancurlah segala-segalanya.

Tuan Pengerusi, menyentuh Pecahan-kepala 1100, (2) Penyelidikan. Saya berharap supaya Kementerian ini dapat menyelidik dengan sebenar-benarnya apakah punca-punca, fungsi-fungsinya yang boleh menyatukan kedudukan rakyat jelata dalam negeri kita ini. Dan apa yang saya dapat tahu, cuma yang diselidik sekarang ini adalah tidak sampai ke akar dan umbinya. Saya tidak percaya dengan adanya majlis makan, majlis tari-menari, majlis itu dan ini, dapat kita menyatukan perpaduan kaum. Sebab saya sendiri di tempat saya sebagai Wakil Rakyat ada juga kadang-kadang dijemput untuk Makan Perpaduan; habis makan, habis cerita. Sebelum hendak makan: Hello, apa khabar, itu dan ini, dan balik, habis ceritanya—Perpaduannya habis sudah. Oleh itu saya berharap supaya Kementerian ini cuba memikirkan cari pakar, cari orang-orang yang bijak pandai, falsafah-falsafah, kalau pun tidak ada di sini import daripada luar negeri, cari jalan apakah yang dapat menyatukan perpaduan di antara kita khususnya Melayu, Cina, India dan lain-lain penduduk di negara kita ini.

Dan yang kedua, Aktiviti (3)—Perhubungan Masyarakat. Di dalam buku merah ini ada tersebut Jawatankuasa Muhibbah:

“Bahagian Perhubungan Masyarakat adalah bertanggungjawab untuk memupuk muhibbah dan perpaduan di kalangan sebagai kaum di negara ini. Perlaksanaan aktiviti-aktiviti ini akan dapat dilihat daripada projek-projek berikut: (a) Jawatankuasa Muhibbah.”

Bercakap di dalam muhibbah ini saya pun pening kepala. Ada Jawatankuasa Muhibbah di Peringkat Pusat, ada Jawatankuasa Muhibbah di Peringkat Negeri ada Jawatankuasa Muhibbah di Peringkat Daerah. Saya sendiri terlantik menjadi Jawatankuasa Muhibbah di Peringkat Negeri tetapi alhamdulillah, sejak terlantik kalau tidak silap saya tahun 1970 atau 1971, saya pun

sedap bawa fail hijau, hari mula pergi mesyuarat, saya kata alhamdulillah saya akan keluarkan sedikit sebanyak pendapat saya, sebab kita sayangkan negara kita ini supaya jangan menjadi kucar-kacir dan jangan jadi huru-hara dalam negeri kita ini.

Tetapi kalau tidak silap saya dua kali mesyuarat—sudah 2 tahun tidak bermesyuarat dan bukan sahaja Jawatankuasa Muhibbah besar, malah yang kecil pun begitu juga. Saya berharap, peruntukan \$4 juta yang diuntukkan sekarang ini biarlah Jawatankuasa-jawatankuasa ini bermesyuarat, sebab dengan adanya banyak bermesyuarat, banyak pula fikiran dan banyak pula faedah-faedah bagi tujuan matlamat perpaduan negara kita ini.

Tuan Pengerusi, itulah sedikit sebanyak yang saya hendak bercakap dalam Jawatankuasa Muhibbah ini.

4.34 ptg.

**Dr S. Seevaratnam (Seremban Barat):**  
(*Dengan izin*) Tuan Pengerusi, I support fully the allocation to this Ministry and also endorse the views of the various speakers.

According to the Second Malaysia Plan, the prime objective of this Plan is to attain national unity and, therefore, this is a very important Ministry. However, Sir, I feel not enough is being done. Except to run Muhibbah classes and parties and quizzes, I find that very little else is done. I feel, Sir, more could be done. The functions of this Ministry, like justice, must be seen to be done. Besides running Muhibbah classes and National Language classes, which I feel, is a duplication of the work of the Ministry of Education, it should also run classes in Chinese, Tamil and English to explain and foster national unity.

I feel, Sir, we must not confuse national language and national unity. To achieve national unity, we must make use of all the languages spoken by the nationals of this country, especially the four main languages—Malay, English, Chinese and Tamil. Similarly, Sir, we must encourage all cultures by explaining each culture to the other in all the languages. I see Muslim religion is being explained every morning over the radio. That is a good thing. But this Ministry must make full use of the mass media similarly to explain Hinduism, Buddhism, Christianity and other religions of our nationals.

According to the Honourable the Minister of National Unity's statement yesterday in this august House, I quote, "We aspire to a society in which this diversity can be an asset and a source of strength." Surely, Sir, this is our aspiration and we must launch out into more diverse and comprehensive schemes. I would, therefore, suggest, Sir, that this Ministry should make it a point to celebrate all festivities of the people of this country in a suitable manner and to teach and explain all the languages of our people in this country. In this connection, I would like to say, Sir, that national language alone is not sufficient to attain national unity. We have many examples in history where one language has been a divisive force in nation-building. I feel, Sir, it is only the policies that are satisfactory to most people that can unite the people.

Besides, Sir, knowing many languages is an asset to our multi-racial country. I would suggest that the Ministry introduce all the cultural programmes in mass media, and also this Ministry must encourage and research into the cultures and adopt the suitable ones into the national culture in close collaboration with the Ministry of Culture, Youth and Sports.

I would also suggest that it should explain all religions of the people to everyone, encourage sports among all the races; encourage cooking classes, fashions in dress, hairstyles, music and art among all the races and send out cultural missions consisting of all the cultures practised in this country.

I know, Sir, that, in the implementation of my above suggestions, the Ministry of National Unity will have to work in close co-operation with many Ministries especially the Ministry of Culture, Youth and Sports.

Sir, further, if anyone makes any statement that is against the national unity of this country, the Minister should come out with statements immediately, so that the people can see that the Ministry works and also to allay the fears of the silent majority.

In conclusion, Sir, may I, with your kind permission, quote a famous saying which, I think, is most appropriate to this Ministry:

"God, grant me the courage to change the things I can change; the serenity to accept those I cannot change and the

wisdom to know the difference. But, God, grant me the courage not to give up what I think is right even though I think it is hopeless."

Thank you, Sir.

4.38 ptg.

**Tuan Haji Shafie bin Abdullah (Baling):** Yang Berhormat Tuan Pengerusi, dalam menyokong peruntukan bagi Kementerian Perpaduan Negara ini, saya ada beberapa syor untuk Kementerian ini kalau sekiranya fikiran saya ini waras dan patut maka sudah sewajarnya Kementerian ini dapat menerima dan melaksanakan.

Kita tahu bagaimana pentingnya Kementerian ini memainkan peranan di dalam menyatu-padukan seluruh rakyat di dalam negara ini bagi mencapai keamanan yang sejati dalam negara kita. Dua perkara yang patut saya syorkan di sini iaitu Kementerian ini patut sekali berhubung rapat dengan pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan sebab Kementerian ini juga ada memainkan peranan dalam hal berkenaan dengan menyatu-padukan seluruh kaum di kalangan belia. Saya rasa pada tiap-tiap hari keramaian atau hari-hari kebesaran dalam negara ini dan majlis-majlis keramaian diadakan patut sekali Kementerian ini mengambil tahu dan menyalurkan bakat-bakat berkenaan dengan perpaduan ini menerusi majlis-majlis ataupun hari-hari kebesaran yang diadakan di seluruh negara sama di peringkat bawah sehinggalah di peringkat atas. Kalau Kementerian Perpaduan Negara ini hanya mengeluarkan cakap sahaja, tetapi dengan tidak ada aksi, ataupun tidak ada tindakan apa-apa, maka sudah tentulah perkara ini tidak dapat dilaksanakan. Tujuan-tujuan yang diadakan Kementerian ini tidak akan dapat dilaksanakan samasekali.

Perkara yang kedua yang saya suka mengesyorkan di sini iaitu pihak Kementerian ini patut mencari jalan terutama sekali Yang Berhormat Menteri sendiri yang barangkali suatu figure yang terkenal dalam negara kita di kalangan satu kaum boleh menemui ramai pemimpin-pemimpin dalam negara kita yang dermawan dan jutaan, dapat mengadakan scholarship-scholarship kepada anak-anak ataupun kepada kanak-kanak daripada berbagai-bagai kaum menerusi Kementerian ini. Kalau sekiranya

dapat Yang Berhormat Menteri itu sendiri memilih beberapa tokoh-tokoh daripada berbagai-bagai kaum menyalurkan bantuan-bantuan sebegini kepada kanak-kanak di mana sahaja dalam negara kita yang patut menerima maka ini akan membangkitkan perasaan yang baik, muhibbah di antara orang-orang yang menerima bantuan-bantuan yang seumpama itu. Bantuan-bantuan scholarship untuk pelajaran bukan hanya bertanggungjawab kepada Kementerian Pelajaran sahaja, tetapi boleh juga disalurkan menerusi Kementerian Perpaduan Negara.

Perkara yang ketiga, saya rasa sudah sampai masanya setelah Kementerian baharu ini ditubuhkan sejak setahun atau dua tahun yang lalu Yang Berhormat Menteri itu sendiri patut mengunjungi seluruh negara atau seluruh negeri, daerah ataupun kampung-kampung menemui pemimpin-pemimpin sendiri, pemimpin-pemimpin kaum dalam negara kita menyatakan hasrat pihak Kerajaan dalam hal berkenaan dengan perkara perpaduan ini. Tidak wajar kalau sekiranya Kementerian ini yang ada mempunyai Menteri dan juga pegawai-pegawai yang berkelayakan hanya tinggal di dalam bangunan Kementerian sahaja dan mengarahkan pihak Negeri ataupun pihak Pegawai-pegawai Daerah yang menjalankan tugas-tugas perpaduan ini. Saya rasa tidak akan sampai matlamat tujuan kita menyatupadukan seluruh rakyat dalam negara ini. Sebenarnya, sepatutnya Yang Berhormat Menteri itu sendiri kena turun ke bawah menemui pemimpin-pemimpin tiap-tiap kaum menyatakan segala tujuan-tujuan kita ini, maka segala apa yang dikehendaki dan hasrat Kerajaan dapat diterima dengan baik daripada kalangan bawahan itu.

Itulah sahaja dua tiga perkara yang dapat saya kemukakan untuk pihak Yang Berhormat Menteri itu, kalau sekiranya baik dapat diterima untuk dilaksanakan.

4.44 ptg.

**Tuan Latip bin Haji Dris (Mukah):** Tuan Pengerusi, mengenai Kementerian Perpaduan Negara, B. 12, muka 79, Pecahan-kepala 2100, Aktiviti 1, 2 dan 3 yang mendapat peruntukan berjumlah \$196,000 dengan tambahan sebanyak \$60,000 dalam tahun 1973.

Mengikut himat saya Kementerian ini tidak kurang pentingnya daripada Kementerian-kementerian yang lain bagi faedah rakyat. Apa yang saya sentuhkan di sini dan syorkan iaitu sepatutnya Kementerian ini ada pejabatnya di tiap-tiap buah negeri seluruh Malaysia seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Melaka Selatan sebentar tadi termasuk juga Negeri Sarawak bagi menyelaraskan segala tanggungjawabnya di atas Gerakan dan Pentadbiran, Penyelidikan dan juga Perhubungan Masyarakat seperti bekalan wang yang telah disediakan ini. Untuk menjamin sejauh manakah perhubungan antara kaum di Negeri Sarawak dalam konteks perpaduan negara dapat diketahui dengan sebenarnya seperti perpaduan di kalangan rakyat yang berada atau orang yang kaya dengan rakyat yang miskin seperti bumi-putra dengan bukan bumiputra, seterusnya pegawai Kerajaan dengan rakyat jelata luar-luar bandar yang terdapat setengah-setengah pegawai Kerajaan menganggap mereka sebagai tuan rakyat.

Mengenai muka 81, Pecahan-kepala 4100, Kementerian ini yang sekarang mendapat \$174,350 bagi Pemberian, Subsidi dan Carum-carum. Dari wang ini yang saya percaya untuk Jawatankuasa Muhibbah di Peringkat Daerah tiap-tiap Negeri di negara ini dan juga bagi membiayai Pelajaran Dewasa dan projek-projek kebajikan ataupun Kelas Perpaduan Rakyat. Kami di Sarawak berkehendakkan sangat Kelas-kelas Dewasa, Kelas Perpaduan Rakyat dan projek-projek kebajikan. Rakyat di Sarawak masih terdapat sebilangan besar yang dikatakan buta huruf, tidak dapat membaca suratkhbar. Walaupun begitu sebahagian dari yang boleh membaca dan faham Bahasa Kebangsaan tidak berkesempatan hendak membaca "Balai Muhibbah" yang dikeluarkan oleh Kementerian ini.

Dari itu saya syorkan supaya dihantar banyak lagi "Balai Muhibbah" kepada rakyat luarbandar negeri Sarawak dan saya berharap Yang Berhormat Menteri-menteri Kerajaan Pusat juga melawat ke Sarawak sampai di kawasan-kawasan luarbandar yang jarang didatangi Menteri-menteri untuk mengeratkan lagi perpaduan negara kita yang sedia ada itu supaya rakyat luarbandar, atau rakyat yang miskin boleh

menunjukkan perpaduan mereka kepada pemimpin-pemimpin dan juga pemimpin-pemimpin kepada rakyat seluruhnya.

Akhirnya saya menyokong Belanjawan kepada Kementerian yang berkenaan ini.

4.48 ptg.

**Dr Chen Man Hin (Seremban Timur):** Tuan Pengerusi, saya suka mengambil bahagian dalam perbahasan atas anggaran untuk Kementerian Perpaduan Negara dan di sini saya minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

(*Dengan izin*) Mr Chairman, Sir, I wish to speak only on one or two points on the Ministry of National Unity. I see that there is a vote of \$110,000 for 1974 for Research. Mr Chairman, Sir, yesterday we have heard the Honourable Minister of National Unity quoting Rukunegara, which reads as follows:

“We are dedicated to ensuring the existence and growth of a liberal society in which its members are free to practise and profess their own religions, customs, and cultures consistent with the requirements of national unity. The Malaysian nation is indeed unique in having rich and diverse cultural traditions and practices. We aspire to a society in which this diversity can be an asset and a source of strength.”

Tuan Pengerusi, no one can quarrel with these noble sentiments, but what we are discussing today is whether this Ministry has attempted to achieve the noble sentiments which I quoted just now.

I think research is a very vital aspect to go into because, unless this Ministry itself understands what are the components that can contribute to national unity, it will be going about round and round doing aimless things without arriving at the objective of national unity. Therefore, I am surprised to notice that after three years of existence of the Department of National Unity, the research section of the Ministry has not produced a paper or report on the various materials which it may have collected and its analyses and conclusions. Also we would like to know whether this research section has also collected data from the various complaints or petitions from different

communities in regard to their education, cultures and languages. In this connection, we would like to know whether the same section has people who are specialised in studying reports which are published in Malay newspapers, Chinese newspapers, Tamil newspapers and English newspapers and whether these are continually being studied and whether definite conclusions are being drawn. Mr Chairman, Sir, I therefore, hope the Minister would some time or other give us a report on his research into the problems of national unity.

Tuan Pengerusi, I notice also that there seems to be a lack of communication between the Ministry of National Unity and the various other Government agencies. For example, I think if the Ministry of Information had probably better guidelines from the Ministry of National Unity, probably the Ministry of Information might have put out more programmes in the various languages and dialects and in that way might have promoted more happiness among the people—and therefore more national unity. The particular instance, as quoted by the Honourable colleague for Bandar Melaka, i.e. the unfortunate ruling that only programmes in Bahasa Malaysia and English would be allowed in Sabah, is another sad instance of a lack of co-ordination, or probably a lack of guideline, for the Ministry of National Unity on what they should do and what they should not do.

Tuan Pengerusi, I wish to make a comment on the publication known as *Balai Muhibbah* (Penerbitan Rasmi) of this Ministry. While it is necessary to promote “Muhibbahism” among the people and while we understand that Bahasa Malaysia is the National Language, probably to convey what you want to the people, to get the message across to the people who do not understand the National Language or Bahasa Malaysia, probably this publication should also be published in Tamil, in Chinese and in other languages, so as to get across the message you want to get across. If you print it only in Bahasa Malaysia, quite a number of people will not be able to read or understand what you want to convey. Therefore, Mr Chairman, Sir, probably this proposal of mine will be taken to heart by the Minister concerned.

Then, on "kelas-kelas perpaduan," while it is encouraging to know that these classes are being conducted, so that more people will understand and be able to speak Bahasa Malaysia, and while we also know that Bahasa Malaysia is being taught over the Radio through the kind auspices of the Ministry of Information, probably to bring home the necessity of knowledge of Bahasa Malaysia to the people, the use of the T.V. itself will be a better medium. As you know, for quite a number of people who are past their middle age of forty or fifty, the only way to communicate the language to them is through pictures, through visual aids; and if every day you have a programme or a lesson, say, lasting five to ten minutes, over the T.V. in Cantonese or Tamil or Mandarin, to teach the people Bahasa Malaysia by the use of visual aids, I am sure quite a number of people will understand and speak Bahasa Malaysia more.

Then one final point, Mr Chairman, Sir, on this matter of education. While it is admitted that there is a Special Committee on Education under the chairmanship of the Minister of National Unity and whilst it is regretted that very few meetings had been held (and none had been held for the past few months), nevertheless I think the Ministry itself should try and find some formula whereby the people will be happy with the education policy which is at present being practised. I am sure these Research Officers would know by reading through the various vernacular papers—Chinese papers and Tamil papers—that there are quite a number of complaints from educationists in the Tamil and Chinese Press that they would wish their mother tongue to be more widely used in the various schools. Therefore, I hope the Minister will kindly consider the suggestion that, while we must encourage our students to study Bahasa Malaysia in schools, we should also allow the students of the various communities to use, study and keep their mother tongues. Thank you, Mr Chairman.

5.36 ptg.

**Dr Tan Chee Khoon (Batu):** Tuan Pengerusi, saya bangun bercakap sepatah dua dalam perbahasan perbelanjaan yang dikemukakan oleh Menteri yang berkenaan dan disamping ini, saya mohon izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

Tuan Pengerusi, nampaknya wang yang dikehendaki oleh Menteri yang berkenaan bukannya banyak, iaitu \$4 juta sahaja, tetapi tanggungjawab Menteri bukannya ringan. Pada pendapat saya tanggungjawab Menteri ialah paling penting kepada rakyat oleh sebab di tanahair kita ini terdiri dari berbagai bahasa, berbagai bangsa dan berbagai agama.

(*Dengan izin*) The Honourable Minister has the onerous task of welding, in so far as he can weld, the diverse races, diverse religions and diverse languages that people speak in this country into an integrated nation or into a united nation. If he is honest with himself, he will acknowledge that we are a long way from achieving national unity. But we may have made a start and we should go on, for to give up would be an admission of failure and would lead us to an abyss from which we may not pull ourselves back.

Now, Mr Chairman, Sir, there is in these Estimates, a provision for Research, which amounted to \$94,200 for 1973 and for 1974 it amounts to \$110,000. I want to ask the Honourable Minister how this money is to be spent. Has his Ministry's officers engaged in research into our cultural programmes or not? If not, may I suggest to him that there is a great need to study the cultural background of the various people of this country. It would be true to say that although in this Chamber, perhaps, all of us were born in this country, yet we do not know fully the cultural backgrounds of our neighbours, for example; and as such there is a need for well-qualified people to dwell deeply into this and come up with publications and we hope that these can be made widely available to the people of this country, so that we can understand each other. Quite a good deal of the misunderstanding that has arisen in the past, and does arise now and will no doubt arise in the future, is because we do not understand each other. So, may I suggest to the Honourable Minister that he should make use of the services of the Department of Sociology that the University of Malaya has. It is true that it is a new Department, but very soon it will be graduating its own Honours graduates, and we hope quite a number of them will stay behind in the University of Malaya to do post-graduate work. From my knowledge of the University

of Malaya, very often these post-graduate students find it difficult to conduct research because they do not have the funds and the funds are by no means large, and this is where I think the Ministry of National Unity should liaise with the Department of Sociology, so that it can indicate to that Department the various fields in which the Ministry thinks research should be undertaken and, if there are candidates who are suitably qualified to undertake such research, then the Ministry can help them not only financially, but also in other ways to undertake such research which, to me, is vitally necessary in this country. I do hope that the Minister will pursue this line of activity because, to me, it is very necessary that research along these lines should be conducted.

Now, Mr Chairman Sir, the Honourable Minister has the unenviable job of trying to weld unity in the country and unfortunately one sees from time to time his Ministerial colleagues coming out with pronouncements which, to say the least, send a chill through the hearts of lots of people of this country and thereby undo the work that the Minister of National Unity is seeking to do. I shall give one example, Mr Chairman, Sir.

Recently, a colleague of the Minister of National Unity came out with a statement that he wanted to provide stiffer penalties for khalwat. Now, Mr Chairman, Sir, I am not trying to condone khalwat or to condone adultrous relations in this country, but we must not go to the medieval times, in the Middle East now people still have their hands chopped off for close proximity, or perhaps people have their heads chopped off for such things. It might have been quite all right in medieval days, but today we hope mankind is more enlightened and will adopt more enlightened measures to deal with such a thing which in most cases, from the doctor's point of view, is but a biological reaction.

Now, Mr Chairman, Sir, close proximity, of course, has lots of connotations and if one were to pursue it to its ultimate, then I would say that very soon, the syariah courts will be dealing not only with Muslims but also with non-Muslims. I shall give but a few examples.

If you have a Managing Director who has a cosy air-conditioned room, he calls his pretty stenographer or secretary to come in—she is perhaps 22 or 23 and she comes in miniskirt notwithstanding the cold atmosphere—and she takes dictation and all that and at the end of the work, the Managing Director says, “Thank you, dear” and perhaps puts his arm round her. If he is an *orang puteh*, then this is common practice in the West. Would that constitute close proximity, Mr Chairman, Sir? Will the Managing Director be subjected to a charge of khalwat? Now this is but one example.

Another one, Mr Chairman, Sir, is about a doctor. I do work sometimes late in the night and if I do have a Malay nurse, for example, and if I take her to her home in my car, would that constitute khalwat, very close proximity, if she were to sit beside me in the car? So, Mr Chairman, Sir, while from the Muslim point of view, khalwat may have its connotations, which may be understood or may not be understood by the Muslims, certainly for the non-Muslims khalwat is not understood. To me it is perfectly legitimate and desirable for me to give a lift to my nurse if she works with me, and both of us work late and I want to send her home. This is perfectly legitimate from my point of view as a Christian and as a Chinese but for the Muslims, maybe it has a different connotation. So, Mr Chairman, Sir, we must be. . . .

**Tuan Pengerusi:** May I remind the Honourable Member that we are in Committee and we are trying to get on with the work in Committee. Please spare us all the stories.

**Dr Tan Chee Khoon:** Mr Chairman, Sir, I will not impose myself on this House with more details, but I only wish to bring to the attention of the Minister that, while he is doing his best to promote national unity, there are his Ministerial colleagues who may be doing the exact opposite. Perhaps, a quiet chat by the Minister of National Unity with some of his Ministerial colleagues, who are pulling in opposite directions, may be of help to those of us not only in his House but many of us in this country, because I do know that, after the pronouncement by the colleague of the Honourable Minister, there have been some

comments from people who are non-Muslims, as to whether they will be subject to a charge of khalwat.

5.05 ptg.

**Tun V. T. Sambanthan:** Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor, Melaka Selatan, Kubang Pasu Barat, Seremban Barat, Baling dan Mukah (Sarawak) dan pandangan-pandangan atau fikiran-fikiran daripada Ahli-ahli Yang Berhormat itu boleh juga saya timbangkan.

(*Dengan izin*) Mr Chairman, Sir, I would like also to mention that when I came into the Ministry, I said that I did not believe in bargaining in like a "bull in a china shop". This is a tricky and difficult Ministry. One has to achieve objectives sometimes with very little publicity. So, when we speak about the Research Division, I have mentioned in my speech that we do meet people of various categories—academicians, student leaders, politicians, and such like. These meetings are closed-door meetings, very confidential meetings and we never reveal publicly what happens, because the moment we reveal publicly what happens, those who come will never speak out their minds. The essential purpose of those meetings are, as I said earlier, to be able to gauge public opinion, to know where the Government goes wrong—and I do admit that we can go wrong—to try and correct these mistakes, to try and recognise that the overriding objective of our plan of the nation, is National Unity. Therefore, these meetings are not just half-an-hour, one-hour or two-hour meetings. We adjourn sometimes to Bukit Fraser, not because it is up the hill but because it is away from it all and there we spend three to four days in incessant conversation. I chair it myself and while it is sometimes tiring in so far as we have to be mentally alert to this part of the process of communication, understanding and rapport, this goes on continually. It is as a result of some of these things that I do have to go to the Prime Minister sometimes, other colleagues sometimes, and pass on the message. It is to the cause of doing all these and studying the views of each other in our country that I must refer to the fact that somebody mentioned muhibbah organisations earlier.

